

Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR

AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى بِنْتِ اِمْرَانَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2024

PUSAT ASASI UITM

PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR

KETUA PTJ :

AHMAD FARID BIN ABIDIN @ BHARUN

KETUA UNIT KUALITI :

NORLAILY BINTI AHMAD

PENYELARAS :

PENULIS :

1. SYED ABDUL ILLAH ALYAHYA BIN SYED ABD KADIR
2. NOOR SYAHIDA BINTI MD SOH
3. NUR HIKAMAH BINTI SETH
4. NUR NADIAH FATIAH BINTI JOHARI
5. HARTINI BINTI AHMAD RAFAIE
6. MUHAMAD RAHIMI BIN CHE HASSAN
7. SAKINATUL AIN BINTI JELANI

8. NAZATUL AZLEEN BINTI ZAINAL ABIDIN
9. NIK NORZIEHANA BINTI CHE ISA
10. JANAKI A/P MANOKARAN
11. FATIMAH AZZAHRA BINTI MD RAUS
12. AISYAH HANI BINTI MOHD.HABALI
13. NUR AMALINA BINTI ZAHARUDIN
14. NORLAILY BINTI AHMAD
15. IRWAN AFFENDI BIN MD NAIM
16. AIMI SYAFIQAH BINTI GHAZALI
17. EZATHUL ZERAFENA BINTI MOHD RIS
18. NAJWA RAWAIDA BINTI AHMAD @ AHMAD FAUZI
19. FAIZAH ELIZA BT. ABDUL TALIB
20. SITI NORLIANA BINTI GHAZALI
21. BAZRINA BINTI RAMLY
22. FARIDAH BINTI MOHD SAIRI
23. MIMI MAZLINA BT MOHAMAD
24. FATMA NADIAH BINTI ABD HAMID
25. MUHAMAD IZZAT BIN RAHIM
26. MUHAMAD IZZAT BIN RAHIM
27. AHMAD SHAHRIL AZWAN BIN ABD RAHIM
28. WAN INTAN ZURIATY BINTI WAN ABDUL HAMID
29. HERRY AMIZAN BIN HAMDAN
30. MOHD SAFRI BIN MOHAMMED NA'AIM

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

'KEPIMPINAN HOLISTIK MEMACU KECEMERLANGAN PEMBANGUNAN INTELEK, INSANIAH DAN INOVASI PELAJAR'

Mendasari perancangan dan objektif strategik universiti ke arah mencapai GRU2025, Pusat Asasi (PA) berkongsi sentimen dan objektif yang sama serta disejajarkan didalam kepimpinan induk di PA. Perancangan dilaksanakan secara menyeluruh di pelbagai peringkat pengurusan berteraskan slogan ASiDPerform dengan menjiwai konsep Nuturing Global Talent @ ASiD dalam Bidang Tumpuan (BT) Pembangunan Pelajar bagi mencapai kejayaan yang besar sekaligus mendokong aspirasi universiti bagi mencapai GRU2025. Setiap usaha dan strategi yang dilaksanakan terutamanya dalam pembangunan pelajar mempunyai struktur yang jelas dan perancangan yang mendalam. Penglibatan pelbagai pihak terutamanya dari semua peringkat pengurusan adalah penting dalam usaha mempamerkan kepimpinan yang holistik bagi memacu kecemerlangan dalam pembangunan pelajar. Dalam proses merangka strategi pembangunan pelajar, setiap tindakan dan keputusan telah dikenal pasti dan dinilai dari segi kekuatan, kelemahan, peluang, ancaman dan risiko sasaran tidak dicapai. Objektif strategi pembangunan pelajar kekal relevan dengan adanya proses reset, recover, and restore dalam memacu kecemerlangan pembangunan intelek, insaniah dan inovasi pelajar. Konsep reset, recover, and restore telah membawa kepada pemurnian Objektif Strategik (OS) dimana inisiatif strategik baru diperkenalkan iaitu inisiatif Kecemerlangan 3i (Intelek, Insaniah dan Inovasi).

Komunikasi merupakan aspek yang penting dan diberi penekanan utama oleh barisan kepimpinan PA dalam pelaksanaan perancangan strategik pembangunan pelajar. Penyampaian maklumat perancangan strategik kepada warga PA menjadi langkah awal dalam proses komunikasi dengan matlamat memberi pemahaman yang jelas dan mendalam terhadap warga tentang hala tuju PA. Melalui Unit Perancangan Strategik, maklumat perancangan strategik diturunkan kepada ketua bahagian dan penyelar unit untuk diwar-warkan kepada warga PA (delegation) agar pemahaman tentang peranan mereka dalam menjayakan perancangan strategik PA diambil berat dan dilaksanakan bersungguh-sungguh (accountability) supaya objektif strategi pembangunan pelajar tercapai. Pelan Strategik pembangunan pelajar dilaksanakan oleh HEP, HEA, dan UHEI.

Pemantauan inisiatif strategik PA dijalankan dengan cekap dan berkesan merangkumi semua peringkat pelaksanaan. **Konsep reset, recover, and restore** menjadi teras dalam pemantauan dimana kesemua peringkat pelaksanaan diperiksa dalam mengenal pasti isu yang timbul di peringkat awal melalui pelaporan, maklum balas dan mesyuarat secara berkala. Pendekatan pemantauan ini bagi memastikan objektif strategik telah dicapai melalui pelan tindakan, mengenal pasti isu yang timbul, penilaian risiko dan menentukan tindakan pembetulan dan penambahbaikan yang berkesan pada peringkat awal.

PA mengamalkan pendekatan yang cekap dalam menguruskan inisiatif perancangan strategiknya. **Mereka bertindak secara reaktif dan responsif terhadap hasil pemantauan, dengan arahan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diberikan terus kepada pegawai bertanggungjawab melalui Mesyuarat Pengurusan Pusat Asasi (MPPA) dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP).** Pegawai dikehendaki melaporkan tindakan yang diambil secara langsung kepada ketua unit untuk penilaian segera. Kaedah ini mengurangkan birokrasi, mempercepatkan proses penyelesaian masalah, dan menggalakkan penambahbaikan berterusan. Pendekatan ini membolehkan PA bertindak balas dengan cepat terhadap cabaran, memastikan kualiti tinggi dalam operasinya, dan menyesuaikan diri dengan perubahan dalam landskap pendidikan tinggi.

PA membentangkan pegawai bertanggungjawab mengambil tindakan segera (act) tanpa kelulusan tertinggi untuk perkara yang tidak melibatkan polisi atau sumber tambahan. Kepimpinan PA komited menjalankan proses PDCA secara sistematik, dinamik dan responsif untuk memastikan keberhasilan pembangunan pelajar relevan dalam mencapai matlamat universiti dan negara.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTM menyasarkan menjadi universiti terkemuka dunia menjelang 2025 (GRU2025) berdasarkan tiga teras strategik: pendidikan berkualiti, kecemerlangan global, dan prestasi berasaskan nilai. **Pengurusan Kanan PA menggunakan pendekatan menyeluruh dan sistematik, melaksanakan program berstruktur dan inisiatif Bahagian Transformasi Universiti (BTU) yang terarah** untuk mencapai teras strategik ini, seterusnya memacu UiTM ke arah status universiti bertaraf dunia.

Perancangan Strategik (PS) 2025 UiTM menjadi asas utama hala tuju dan gerak kerja pengurusan PA bagi tahun 2023. Pelan Tindakan Perancangan Strategik (SAP) PA telah dijana berdasarkan Performance Indicator (PI) yang dipertanggungjawabkan oleh pihak BTU kepada PA. Pelan tindakan ini telah **diterjemahkan kedalam bentuk yang lebih mudah dengan pembentukan tiga Objektif Strategik (OS) utama** dengan mengambil kira dan meliputi hala tuju dan garis panduan peringkat antarabangsa dalam aspek SDG, kebangsaan, dan kementerian. (Bukti 1.2.1). PA telah memainkan peranan yang berkesan dalam menyediakan perkhidmatan pendidikan yang berkualiti untuk mencapai GRU2025. **PA komited dalam mencapai OS kampus berpandukan kepada inisiatif strategik (IS) berteraskan inisiatif Kecemerlangan 3i iaitu kecemerlangan intelek, kecemerlangan insaniah dan kecemerlangan inovasi** bagi melahirkan pelajar yang seimbang dan holistik dalam menjayakan pembangunan pelajar.

PA mengambil pendekatan berteraskan inisiatif Kecemerlangan 3i yang membentuk tiga (3) keberhasilan utama: Kecemerlangan Intelek, Kecemerlangan Insaniah, dan Kecemerlangan Inovasi (Bukti 1.2.2). Pendekatan ini menjadi panduan PA dalam pengurusan dan pembangunan pelajar, bertujuan memastikan keseimbangan kualiti graduan yang dihasilkan. **Untuk mengekalkan kerelevanan dan keberkesanan hala tuju PA dalam pembangunan pelajar, satu pemetaan komprehensif telah dilakukan, menghubungkan garis panduan, teras strategik, dan objektif strategik** (Bukti 1.2.3). Usaha ini bertujuan mewujudkan persekitaran kondusif yang memperkasakan pembangunan pelajar di pelbagai peringkat pengurusan. **Pelaksanaan inisiatif pembangunan pelajar PA melibatkan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan, termasuk kerajaan, industri, institusi akademik, staf, pelajar, serta komuniti tempatan dan antarabangsa.** Pendekatan inklusif ini bertujuan membina ekosistem yang menyokong transformasi berterusan dan menyeluruh, sekaligus memperkukuh usaha PA dalam mencapai objektif strategiknya.

PA mengamalkan pendekatan inovatif yang menekankan penglibatan warga melalui sistem tadbir urus berkualiti dan berakauntabiliti untuk mencapai kecemerlangan. Tujuan utama adalah untuk mewujudkan kampus yang lestari dimana kesepaduan di kalangan warga PA dan komuniti menjadi fokus utama dalam usaha ini. Dalam menangani cabaran dan tuntutan, PA menggunakan kebijaksanaan dan nilai kasih sayang. Melalui keterlibatan dan komitmen kepimpinan kanan, PA memainkan peranan penting dalam mencapai hala tuju negara melalui keterlibatan dan kepimpinan kanan yang komited bagi memastikan kejayaan pembangunan pelajar (Bukti 1.2.4). **Semua warga PA didedahkan kepada pelaksanaan inisiatif yang efektif dan efisien** dari segi kos melalui pendekatan pengurusan inovatif. Pendekatan menyeluruh ini bertujuan untuk memastikan transformasi yang berkesan dan mampan di semua peringkat organisasi.

PA melaksanakan Pelan Penggantian yang dinamik dan proaktif untuk menyediakan calon pengganti dalam menjayakan pembangunan pelajar. **Calon-calon ini diberi latihan kepimpinan khusus, pendedahan kerja, dan dibimbing oleh pengurusan atasan melalui kerja berkumpulan, pengurusan sumber, dan komunikasi berkesan** (Bukti 1.2.4). **Penglibatan pengurusan PA dengan industri, kementerian dan komuniti memudahkan PA menjalankan operasi pembangunan pelajar melalui MoU, MoA, geran penyelidikan, dan program bermanfaat untuk pemegang taruh** (Bukti 1.2.5). Pengarah dan Timbalan-timbalan Pengarah bertanggungjawab merancang, melaksana, dan memantau petunjuk prestasi inisiatif untuk memastikan pelaksanaan BT yang berkesan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0041_K01_KB02_20241_BUKTI 1.2.1.pdf](#)
2. [F0041_K01_KB02_20242_BUKTI 1.2.2.pdf](#)
3. [F0041_K01_KB02_20243_BUKTI 1.2.3.pdf](#)
4. [F0041_K01_KB02_20244_BUKTI 1.2.4r.pdf](#)
5. [F0041_K01_KB02_20245_BUKTI 1.2.5.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Dalam usaha mencapai matlamat dan inisiatif strategik, **pihak Pengurusan Kanan PA memberi keutamaan kepada sistem komunikasi yang telus dan kepimpinan yang berkesan**. Ini dianggap sebagai elemen penting dalam organisasi. Selaras dengan aspirasi GRU 2025, **Pengurusan Kanan PA telah menstruktur semula strategi mereka** untuk **memperkuh pendidikan dan pembangunan modal insan melalui pelbagai medium penyampaian** seperti website, telegram, whatsapp, dan taklimat (Bukti 1.3.1).

Pengurusan Kanan PA telah memberikan mandat kepada tiga bahagian utama untuk **melaksanakan program pembangunan pelajar bagi mencapai Kecemerlangan 3i** yang telah ditetapkan:

1. Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA)

- Unit Makmal
- Jawatankuasa Pengurusan Penyelidikan dan Perundingan
- Jawatankuasa Penerbitan
- Jawatankuasa Inovasi dan Harta Intelekt

2. Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP)

- Unit Sukan
- Unit Kaunseling
- Unit Masmed
- Unit ICAN
- Unit Alumni

3. Unit Hal Ehwal Islam (UHEI)

Pada tahun 2023, pihak **Pengurusan Kanan PA menjalinkan kerjasama dengan sektor industri dan komuniti** untuk melaksanakan program pembangunan pelajar. Hasilnya, **PA berjaya menjalinkan kolaborasi dua hala bersama industri dan komuniti** melalui pelbagai program yang selaras dengan inisiatif kecemerlangan insaniah (Bukti 1.3.2) pelajar antaranya:

1. McDonald Graduate Employability Tour
2. Engagement with WWF Malaysia
3. Youth for Social Change Webinar
4. IEEE Sps Tech Camp for Students and Teachers In Dengkil
5. Program Urban Farming with Farm Ur Cyberjaya

Program-program ini melibatkan kerjasama dengan industri dan agensi luar, serta penyertaan pelajar, kakitangan, dan masyarakat setempat.

Pengurusan Kanan PA turut memainkan peranan aktif dalam membina hubungan yang erat dengan rakan strategik yang berada di sekitar kawasan PA. Kerjasama ini penting untuk **meningkatkan visibiliti PA sebagai institusi penting dalam menyumbang kepakaran hasil** dari garapan dan sokongan Pengurusan Kanan PA (Bukti 1.3.3). Sebagai contoh, Pengarah PA dilantik sebagai Ahli Penasihat Luar (Akademik) di Universiti Selangor (UNISEL). Beliau turut dilantik sebagai keynote speaker dalam pelbagai konferensi di peringkat

antarabangsa. Sementara itu, kepakaran Pengurusan Kanan PA turut diiktiraf oleh institusi lain melalui pelantikan Timbalan Pengarah Akademik, Penyelidikan dan Inovasi (TP API) PA sebagai panel penilai luar bagi Program Asasi Sains UNIKL-MICET bagi sesi 2023-2028.

Sepanjang tahun 2023, PA telah membuktikan keupayaannya dalam menjalin kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan, industri, dan komuniti, hasil daripada rangkaian hubungan yang kukuh. Pihak pengurusan PA juga sentiasa menggalakkan warga kerjanya untuk menyumbangkan kepakaran mereka kepada agensi kerajaan, komuniti, dan di peringkat antarabangsa. Ini membuktikan kualiti Pengurusan Kanan PA dalam membentuk kecemerlangan intelek pelajar (Bukti 1.3.4).

Dalam usaha **menyebarkan maklumat Perancangan Strategik, Pengurusan Kanan PA menggunakan pendekatan yang sistematik**. Maklumat disampaikan kepada semua warga melalui taklimat pengarah yang diadakan di setiap suku tahun serta mesyuarat MPPA dan JAP. Selain itu, maklumat mengenai pelaksanaan pelan tindakan berkaitan PA turut disebarluaskan secara meluas melalui platform media sosial, termasuk Facebook dan Instagram Rasmi PA (Bukti 1.3.5). Pendekatan menyeluruh ini memastikan semua pihak berkepentingan sentiasa dimaklumkan tentang perkembangan dan inisiatif strategik institusi.

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_K01_KB03_20241_K1 BUKTI 1.3.1.pdf](#)
2. [F0041_K01_KB03_20242_K1 BUKTI 1.3.2.pdf](#)
3. [F0041_K01_KB03_20243_K1 BUKTI 1.3.3.pdf](#)
4. [F0041_K01_KB03_20244_K1 BUKTI 1.3.4.pdf](#)
5. [F0041_K01_KB03_20245_K1 BUKTI 1.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Perancangan strategik (PS) PA bersifat dinamik. Pelan tindakan PS PA dibuat setiap awal tahun untuk memastikan inisiatif yang dirancang masih relevan bagi mencapai objektif strategi. **Sistem pemantauan pencapaian perancangan strategik yang berstruktur, pelbagai dan berkesan dijadikan penekanan oleh pengurusan kanan PA.** Pengurusan Kanan PA berkomunikasi dengan pegawai bertanggungjawab secara konsisten dan berkala. **Pelantikan Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) turut dibuat bagi melancarkan gerak kerja PS dan melaporkan hasil pemantauan PS pada setiap bulan.** Mesyuarat Pelaporan SAP PA telah dilaksanakan setiap tiga bulan pada tahun 2023 bersama dengan ketua projek yang didaftarkan di dalam system UISMS. **Tujuan pemantauan ini adalah untuk mendapatkan pelaporan mengenai kemajuan pelaksanaan perancangan strategik serta menilai semula, dan memastikan inisiatif perancangan strategik disesuaikan dengan teras strategik universiti**(Bukti 1.4.1.1).

Setiap bahagian melaporkan pencapaian prestasi strategik masing-masing di dalam template Google Spreadsheet khusus untuk tindakan PSTU. Pelaporan SAP menekankan prestasi yang tidak memuaskan, seterusnya **semua tindakan pembetulan dan penambahbaikan diputuskan dalam Mesyuarat SAP bagi tindakan** yang tidak melibatkan perubahan polisi. Selain itu, **peringatan secara konsisten melalui mesyuarat dan taklimat** digunakan untuk memastikan data yang dilaporkan adalah terkini dan mengelakkan maklumat yang tertinggal dan tidak dilaporkan. Pengarah PA menekankan bahawa justifikasi prestasi yang tidak dicapai mesti dikaji dan Tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil. Sebelum pelaksanaan, **segala perubahan polisi akan dibawa ke mesyuarat MKSP** untuk perbincangan dan kelulusan (Bukti 1.4.1.2)

Pemantauan pelaksanaan aktiviti pelajar turut dilakukan **bagi mencapai matlamat Kecemerlangan 3i PA dengan mewujudkan sistem bersepadu menggunakan sistem CRS** yang dijadikan sebagai "one stop information centre" bagi memudahkan pengumpulan maklumat yang diperlukan. Pendaftaran kelab, aktiviti serta markah kokurikulum pelajar dibuat melalui sistem CRS bagi memudahkan pelaporan dan pemantauan dijalankan secara berkala (Bukti 1.4.1.3). **Hasil laporan melalui sistem CRS dibentangkan di dalam Mesyuarat JAP serta maklumat pencapaian dibentangkan di dalam sesi Taklimat kepada semua warga PA** bagi mendapatkan maklumbalas dan cadangan penambahbaikan (Bukti 1.4.1.4).

SENARAI BUKTI:

1. [F0041_K01_KB04_KC01_20241_Bukti 1.4.1.1.pdf](#)
2. [F0041_K01_KB04_KC01_20242_Bukti 1.4.1.2.pdf](#)
3. [F0041_K01_KB04_KC01_20243_Bukti 1.4.1.3.pdf](#)
4. [F0041_K01_KB04_KC01_20244_Bukti 1.4.1.4.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Jawatankuasa Pengurusan Risiko PA bertanggungjawab untuk mengendalikan risiko dan ancaman yang boleh menghalang pencapaian kecemerlangan 3i. Pengurusan risiko PA adalah satu proses menyeluruh yang merangkumi semua peringkat. Ini termasuklah proses mengenal pasti insiden dan tindakan kawalan yang diambil untuk mencapai matlamat PA. Jawatankuasa ini **bertanggungjawab dalam penyediaan daftar risiko, pengawasan aktiviti pengurusan risiko, dan pemantauan langkah-langkah mitigasi** yang dijalankan oleh pemunya risiko. PA menilai semula risiko pengoperasian PA bagi memastikan maklumat risiko masih lagi relevan. **Penilaian semula ini dijalankan melalui mesyuarat pengurusan risiko yang dijalankan secara berkala** (Bukti 1.4.2.1).

Pengurusan Kanan PA memastikan keberhasilan pelajar dan pencapaian objektif universiti diurus dengan sempurna. **Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) digunakan untuk menilai risiko dalam pencapaian objektif strategik, terutamanya yang berkaitan dengan pembangunan pelajar** (Bukti 1.4.2.2). Setiap usaha yang dicadangkan oleh pegawai bertanggungjawab dalam risiko strategik dibincang dan dikaji secara terperinci sebelum dilaksanakan. **Ini merangkumi penetapan risiko, tahap risiko dan strategi untuk mengurangkan risiko** (Bukti 1.4.2.3).

Setiap inisiatif dinilai berdasarkan impaknya kepada PA. Beberapa komponen telah dikenal pasti: **Risiko strategik, operasi, kewangan, projek, reputasi dan keselamatan**. Penilaian risiko dijalankan pada beberapa peringkat, bermula dengan perancangan inisiatif strategik dan berakhir dengan penyediaan kertas kerja kelulusan program, aktiviti atau projek pembangunan pelajar. Perbincangan risiko ini dibuat di peringkat PA dan juga dengan kolaborator projek pembangunan pelajar (Bukti 1.4.2.4).

Setiap kategori risiko di PA dinilai dan diklasifikasikan mengikut tahap iaitu Tahap Rendah, Tahap Sederhana, Tahap Tinggi dan Tahap Kritikal. Prosedur kawalan dalaman digunakan melalui prosedur kerja yang sedia ada untuk mengurangkan risiko tahap rendah. Manakala, langkah mitigasi risiko tahap sederhana dilaksanakan oleh pegawai yang bertanggungjawab di peringkat bahagian/unit. Langkah mitigasi dilaksanakan secara menyeluruh di semua peringkat bagi risiko tahap tinggi dan kritikal, termasuk di peringkat pengurusan kanan yang memerlukan pelaksanaan dasar untuk menangani risiko tersebut (Bukti 1.4.2.5).

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_K01_KB04_KC02_20241_Bukti 1.4.2.1.pdf](#)
2. [F0041_K01_KB04_KC02_20242_Bukti 1.4.2.2.pdf](#)
3. [F0041_K01_KB04_KC02_20243_Bukti 1.4.2.3.pdf](#)
4. [F0041_K01_KB04_KC02_20244_Bukti 1.4.2.4.pdf](#)
5. [F0041_K01_KB04_KC02_20245_Bukti 1.4.2.5.pdf](#)

1.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bengkel perancangan strategik PA dijalankan pada awal tahun melibatkan semua ketua bahagian dan unit. **Inisiatif perancangan strategik di peringkat bahagian masing-masing dilaporkan dan disemak semula pada setiap suku tahun** (Bukti 1.4.3.1). Beberapa strategi telah diubah suai dan inisiatif telah dipertingkatkan untuk memenuhi teras strategik yang ingin dicapai. Ini adalah selaras dengan Hala Tuju Pendidikan Negara dalam Malaysia Higher Education Blueprint 2015-2025 dan GRU 2025. **Setiap bahagian dan unit yang bertanggungjawab membentangkan pencapaian prestasi strategik masing-masing bagi mengenal pasti sebarang perubahan.** Timbalan Pengarah Akademik, Penyelidikan dan Inovasi (TP API), serta Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar & ICAN yang terlibat dengan aktiviti pembangunan pelajar akan membentangkan laporan pencapaian strategik kepada semua warga PA. Data pencapaian dikumpul, dianalisis dan dibentangkan di peringkat bahagian pada peringkat pelaksanaan inisiatif pembangunan pelajar (Bukti 1.4.3.2). Seterusnya, **hasil analisis pencapaian prestasi dibentangkan dan dibincangkan di mesyuarat SAP.** Ketua-ketua bahagian dan unit membuat cadangan untuk penambahbaikan dan mendapat kelulusan mesyuarat secara kolektif untuk perubahan polisi atau komitmen kewangan tambahan (Bukti 1.4.3.3).

Pengurusan Kanan PA menekankan **pendekatan reset, recover and restore secara berterusan** oleh semua ketua bahagian dan unit bagi memastikan keberkesanan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan memenuhi keperluan pemegang taruh. Hasil analisis pencapaian prestasi strategik yang disemak semula dan sebarang cadangan penambahbaikan dilaksanakan selepas menilai kekuatan, kelemahan, peluang dan risiko. Semua kelemahan dan halangan dikenal pasti untuk membolehkan cadangan penambahbaikan dan perubahan strategik dilaksanakan dengan cemerlang. **PA menubuhkan beberapa jawatankuasa dalam membantu proses pemantauan kualiti penyampaian perkhidmatan dalam membantu pencapaian kecemerlangan 3i melalui JK Unit Kualiti, JK Akademik Pusat Asasi dan JK PRO-PENS.** Jawatankuasa yang ditubuhkan berfungsi sebagai sumber rujukan untuk memberi input kepada tindakan penambahbaikan berterusan berkaitan pembangunan pelajar (Bukti 1.4.3.4).

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_K01_KB04_KC03_20241_Bukti 1.4.3.1.pdf](#)
2. [F0041_K01_KB04_KC03_20242_Bukti 1.4.3.2.pdf](#)
3. [F0041_K01_KB04_KC03_20243_Bukti 1.4.3.3.pdf](#)
4. [F0041_K01_KB04_KC03_20244_Bukti 1.4.3.4.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan Kanan PA sentiasa komited terhadap bidang pembangunan pelajar. Inisiatif-inisiatif strategik yang diamanahkan kepada PA oleh Unit Perancangan Strategik dan Transformasi Universiti (UPSTU) akan diteliti perlaksanaannya oleh Pengurusan Kanan PA. **Perbincangan mengenai pelaksanaan inisiatif-inisiatif strategik ini dibuat melalui pelbagai platform seperti Bengkel Perancangan Strategik (Bukti 1.5.1).** Seterusnya, **maklumat ini disebarluaskan kepada pemegang taruh melalui pelbagai medium** seperti Taklimat Pengarah dan laman sesawang Pusat Asasi (Bukti 1.5.1).

Bagi memastikan semua pemegang taruh dapat menghayati dan menjayakan inisiatif kecemerlangan 3i yang telah dirancang, Pengurusan Kanan PA menggunakan pendekatan top-down dimana maklumat disebarluaskan oleh Pengurusan Kanan dan ketua-ketua jabatan kepada semua pemegang taruh (delegation). Pemantauan juga dilakukan secara berkala dengan befokuskan proses reset, recover, and restore (accountability).

Antara langkah yang diambil ialah inovasi pelaporan berkala yang dibangunkan oleh Pusat Asasi Antaranya ialah Co-curriculum Registration System (CRS) Pusat Asasi dan pewujudan Google Spreadsheet Pelaporan pencapaian inisiatif strategik (Bukti 1.5.2). **PA berinovasi bagi memastikan pembudayaan dapat dilakukan dengan melibatkan semua pemegang taruh.**

Selain itu, Pengurusan Kanan PA menggunakan **beberapa mekanisme membudayakan inisiatif- inisiatif strategik dalam bidang tumpuan yang telah dirancang.** Sebagai contoh, sejak 2019, PA telah mengambil pendekatan inovatif bagi dengan menganjurkan Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik (MAKA) dan Majlis Anugerah Kecemerlangan Kurikulum (MAKO) yang diadakan setiap semester (Bukti 1.5.3). Majlis ini bertujuan meraikan pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik (intelektual) dan kurikulum (insaniah). Majlis anugerah seperti ini memberi impak positif terutamanya kepada pelajar untuk mencapai lebih banyak kejayaan. Secara tidak langsung pembudayaan inisiatif kecemerlangan 3i dapat disebarluaskan kepada pelajar.

Satu lagi pendekatan inovatif untuk membudayakan inisiatif kecemerlangan 3i ialah dengan mewujudkan Googlesite (Bukti 1.5.4) yang mengandungi maklumat penting untuk pemegang taruh terutamanya pelajar. Sebagai contoh **Bahagian Hal Ehwal Akademik telah membina laman Googlesite yang mengandungi maklumat penting berkenaan hal ehwal akademik untuk pelajar.** Semua pelajar PA telah dimaklumkan mengenai Googlesite ini. Ini dilihat dapat memastikan inisiatif kecemerlangan 3i dapat disebarluaskan dan seterusnya pembudayaan inisiatif ini dapat dijalankan.

Selain itu, **Pengurusan Kanan PA juga menekankan program akademik yang berkualiti dan berinovasi** bagi memastikan kecemerlangan 3i. Sebagai contoh, program **Plus Tahfiz PA telah menarik minat pihak Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia** yang telah mengadakan lawatan penanda aras pada tahun 2023 (Bukti 1.5.5). Hasilnya, program Matrikulasi Sains Tahfiz telah ditawarkan di matrikulasi yang terpilih. Ini menunjukkan inisiatif kecemerlangan 3i yang digembleng oleh PA berkualiti dan mampu menarik minat pesaing dalam bidang Pendidikan Tinggi.

Selain pihak Matrikulasi, terdapat pelbagai lagi pihak yang hadir melakukan lawatan penanda aras pada tahun 2023. Diantaranya ialah Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia Universiti Malaysia Sarawak, Centre of Foundation Studies UIAM, dan Universitas Islam Bandung, Indonesia (Bukti 1.5.5). Ini sekaligus membuktikan dasar dan inisiatif yang dijalankan oleh **Pengurusan Kanan PA mampu menarik perhatian pihak berkepentingan di dalam dan luar negara.** Ia sekaligus membantu usaha Pusat Asasi untuk mencapai kecemerlangan 3i.

Secara keseluruhannya, Pengurusan Kanan PA berhasil dalam membudayakan inisiatif-inisiatif yang telah diamanahkan. Melalui pendekatan top-down, semua pemegang taruh dapat

memanami dan memanami nala tuju Pengurusan Kanan terutamanya inisiatif kecemerlangan 31 yang telah diformulasi bagi mencapai kecemerlangan dalam bidang pembangunan pelajar.

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_K01_KB05_20241_Bukti 1.5.1.pdf](#)
2. [F0041_K01_KB05_20242_Bukti 1.5.2.pdf](#)
3. [F0041_K01_KB05_20243_Bukti 1.5.3.pdf](#)
4. [F0041_K01_KB05_20244_Bukti 1.5.4.pdf](#)
5. [F0041_K01_KB05_20245_Bukti 1.5.5.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan Strategik #ASiDPerform Mengakselerasi Kecemerlangan Pembangunan Pelajar.

Perancangan strategik (**PS**) Pusat Asasi (**PA**) mendokong penuh objektif untuk merealisasikan aspirasi UiTM sebagai Universiti Terkemuka Dunia pada tahun 2025, dengan menghasilkan pelajar yang berketerampilan dan dinamik (**Plan**). Inisiatif berimpak tinggi telah dirangka berdasarkan **Model #ASiDPerform** bagi mencapai KPI dan PI yang ditetapkan. Model ini disusun berasaskan **Pelan Strategik UiTM 2025** dan selari dengan agenda dalam **Rancangan Malaysia Ke-12**. Pemetaan petunjuk prestasi (**PI**), Objektif Strategik (**OS**) dan inisiatif strategi (**IS**) adalah berdasarkan Kecemerlangan **model 3i**: Intelek, Insaniah dan Inovasi, bertujuan menghasilkan graduan masa hadapan yang berkecekapan global sesuai dengan **Pemangkin Dasar 1 RMK-12**, iaitu **membangunkan bakat masa hadapan**.

Pelaksanaan (**Do**) setiap **IS** diakselerasikan dengan mewujudkan tiga kluster kecemerlangan (**3i**). 43 **PI** telah diperturunkan kepada **PA** bagi tahun 2023, di mana sembilan daripadanya adalah berkaitan dengan pembangunan pelajar. **PI** ini telah dipetakan kepada tiga **OS** iaitu mempertingkatkan kepelbagaian pengalaman, pembelajaran yang berkesan (**OS1**), memperkasakan pengalaman pendidikan tinggi bertaraf dunia bagi melahirkan pelajar yang berketerampilan dan dinamik (GRU25) (**OS2**) dan memperkemaskan dan menyemarakkan aktiviti penyelidikan, penerbitan dan inovasi (**OS3**). Kesemua **OS** ini mengintegrasikan pengurusan dan pembangunan pelajar secara sinergi dan inklusif. Model ini sejajar dengan teras strategik UiTM iaitu **Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global dan Pencapaian Berorientasikan Nilai**. Pelbagai strategi disusun bagi melahirkan pelajar yang berkecekapan global melalui aksesabiliti kepada sumber **intelek**, pembangunan **insaniah** dan pengembangan **inovasi** yang berkualiti.

Setiap **IS** yang dilaksanakan dipantau (**Check**) secara berkala menerusi **Model Pemantauan** mantap berdasarkan PDCA (Plan, Do, Check, Act). PSTU diberi kuasa penuh untuk membuat laporan pencapaian. Beberapa inisiatif pendigitalan telah dibangunkan bagi memudahkan pemantauan **IS**, seperti **Google Spreadsheets**, **sistem UiSMS**, dan **sistem SMART**. Prestasi setiap **IS** dibentangkan dalam mesyuarat mengikut takwim. Laporan pencapaian kemudiannya disebarluaskan kepada warga **PA** melalui pelbagai medium penyebaran. Setiap laporan menjadi peluang penambahbaikan yang mana menjadikan proses pemantauan ini dinamik dan responsif terhadap perubahan serta cabaran yang dihadapi.

Tindakan penambahbaikan dijalankan berdasarkan input yang diperoleh dari mesyuarat dan bengkel pemurnian **PS**. Risiko setiap **IS** dikenalpasti (**Act**) dan didaftarkan di peringkat **PA** menerusi **templat daftar risiko** di **sistem electronic Risk Management System (eRMS)** oleh **Jawatan Kuasa Pemilik Risiko (JKPR)** dan **templat excel pelan tindakan strategik**. Pelan tindakan kawalan bagi setiap **IS** dan perancangan untuk mengatasinya diperincikan. Pendekatan proaktif ini tidak hanya meningkatkan daya tahan **PA**, tetapi juga memastikan setiap pelajar dapat memperoleh manfaat maksimum dari program yang dirancang, dalam menghasilkan graduan yang kompetitif dan siap menghadapi cabaran masa depan.

Keberkesanan Model #AsiDPerform terbukti dengan **PA** yang berjaya meraih **tempat pertama** dalam Anugerah Transformasi Kecemerlangan Globally Marketable 2023 (Pillar 3 & 4) dan Anugerah Transformasi Kecemerlangan Ketampakan UiTM 2023 (Media Sosial). Selain itu, **PA** juga mendapat tempat kelima dalam Anugerah Transformasi Kecemerlangan Globally Marketable 2023 (Pillar 2), Anugerah Transformasi Kecemerlangan Penjana Pendapatan 2023, serta menerima sijil Pencapaian Kecemerlangan Prestasi (Kolej Pengajian/Fakulti). Pembudayaan model ini turut dijadikan **penanda aras oleh universiti lain**. Kejayaan ini adalah bukti komitmen dan kesungguhan warga **PA** dalam meningkatkan kecemerlangan universiti melalui **ekosistem pengajaran dan pembelajaran, hubungan industri dan komuniti yang**

berkualiti, serta inovasi yang cemerlang.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

PA menitik berat isu pengurusan dan pembangunan pelajar. Oleh demikian satu analisis **SWOT** bagi mengenalpasti kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman yang bakal ditempuhi telah dijalankan (**Bukti 2.2.1**). Natiyah daripada analisis tersebut, satu **Model Transformasi Strategik PA (PS PA)** diilhamkan (**Bukti 2.2.1**). Model ini bukan sahaja memfokuskan kepada isu pengurusan dan pembangunan pelajar malah mengambilkira perubahan dasar dan arah tuju UiTM dalam merancang inisiatif bagi mencapai Petunjuk Prestasi (PI) yang telah ditetapkan. Pada tahun 2023, **PS PA** telah dirangka berpandukan **Pelan Strategik UiTM 2025** iaitu menjadikan UiTM sebagai Universiti Global Terkemuka.

Beberapa inovasi penting dari transformasi **PS PA** 2023 telah dijayakan secara hibrid seperti inovasi pembincangan dan pelaporan, juga inisiatif pelaksanaan aktiviti **PS PA** 2023 (**Bukti 2.2.2**). Pendekatan sebegini didapati sangat efektif kerana selain daripada membantu penjimatan kewangan, kebolehcapaian insiatif ini juga tidak hanya tertumpu kepada dalaman **PA** malah membuka peluang penglibatan pihak industri, alumni dan komuniti setempat terutama pada inisiatif pelaksanaan **PS PA** 2023.

Secara umumnya, sebanyak 43 **PI** telah diperturunkan kepada **PA** bagi tahun 2023, di mana sembilan **PI** adalah **PI** akselerasi pembangunan pelajar. Sembilan **PI** ini telah dipetakan kepada tiga Objektif Strategik (OS) iaitu mempertingkatkan kepelbagaian pengalaman, pembelajaran yang berkesan (**OS1**), memperkasakan pengalaman pendidikan tinggi bertaraf dunia bagi melahirkan pelajar yang berketerampilan dan dinamik (GRU25) (**OS2**) dan memperkemaskan dan menyemarakkan aktiviti penyelidikan, penerbitan dan inovasi (**OS3**). Tiga inisiatif strategik telah dilaksanakan untuk mencapai tiga Objektif Strategik (OS) **PS PA** 2023. Tiga **IS** tersebut adalah kecemerlangan akademik (**IS1**), kecemerlangan insaniah (**IS2**) dan kecemerlangan inovasi (**IS3**). Pemetaan antara **PI**, objektif dan inisiatif strategik diringkaskan dalam **Bukti 2.2.3**.

Akselerasi #ASiDPerform kecemerlangan pembangunan pelajar direalisasikan melalui siri bengkel yang bermula dengan pemetaan PI, sumbang saran projek-projek SAP, pemurnian dan berakhir dengan pelaporan keseluruhan. Pendekatan secara berjenjang ini dapat membantu **PA** merungkai permasalahan seterusnya menambahbaik pelaksanaan **PS** secara berkala. Hasilnya, perangkaan inisiatif ini bukan sahaja berjaya mencapai kesemua **PI** malah dapat membantu perangkaan inisiatif baru bagi tahun berikutnya (**Bukti 2.2.4**).

Pemeriksaan **PS PA** diimplementasi dengan mewujudkan kumpulan “*Strategic Action Team*” yang diketuai oleh Pengarah, Timbalan Pengarah Akademik, Penyelidikan dan Inovasi, Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar, ICAN dan Jaringan Industri, Timbalan Pengarah (PSTU), Ketua Unit Kualiti, Pengurus serta ahli-ahli projek yang terlibat (**Bukti 2.2.5**).

PS PA memberi tumpuan terhadap keterlibatan pengurusan dan pembangunan pelajar melalui tema perancangan strategik #ASiDPerform mengakselerasi kecemerlangan pembangunan pelajar. Model **PS PA** adalah satu model yang cemerlang dimana hasilnya adalah kemenjadian para pelajar **PA** yang lebih berdaya saing seimbang dari segi intelek, insaniah dan inovasi. Pendekatan **PS PA** yang terangkum ini memastikan juga bakat dan peningkatan ilmu para pelajar dapat dicapai dan seterusnya membuka peluang kerjaya yang lebih baik kepada para pelajar dimasa hadapan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0041_P01_PB02_20241_BUKTI 2.2.1.pdf](#)
2. [F0041_P01_PB02_20242_BUKTI 2.2.2.pdf](#)
3. [F0041_P01_PB02_20243_BUKTI 2.2.3.pdf](#)
4. [F0041_P01_PB02_20244_BUKTI 2.2.4.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Model Transformasi Perancangan Strategik Pusat Asasi (PS PA) 2023 (**Bukti 2.3.1**) memaparkan teras yang digunakan dalam perancangan inisiatif PS PA 2023. Proses perluasan dimulakan dengan memastikan model ini adalah sejajar dengan tiga (3) teras UiTM 2025 iaitu; Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global dan Prestasi berorientasikan nilai (**Bukti 2.3.1**). Bagi merealisasikan teras ini, penglibatan semua warga **PA** sebagai penggerak (Pengarah, Pengurusan Kanan, PSTU, Pengurus dan ahli projek) serta kumpulan sasaran (Pelajar **PA**) adalah diperlukan.

Pelan Perancangan Strategik **PA** 2023 bagi tumpuan pengurusan dan pembangunan pelajar juga telah dirangka berlandaskan kepada **Pelan Strategik UiTM 2025 (2020-2025)** dan adalah sejajar dengan **RMK-12**. Pemetaan PI, OS dan IS Kecemerlangan 3i: Intelek, Insaniah dan Inovasi yang telah dirangka ini adalah bertujuan untuk menghasilkan **graduan masa hadapan berkecekapan global** yang bertepatan dengan **Pemangkin Dasar 1 RMK-12 iaitu membangunkan bakat masa hadapan (Bukti 2.3.2)**. Sehubungan itu, pelbagai strategi disusun bagi melahirkan graduan yang berkecekapan global melalui aksesabiliti kepada sumber P&P, pembangunan insaniah dan pengembangan inovasi yang berkualiti di **PA**.

Bagi melaksanakan **OS** dan **IS** yang dirancang, proses penyampaian, perkongsian dan pelaksanaan dibuat secara sistematik dan efisien oleh pihak kepimpinan kanan **PA** menggunakan kaedah komunikasi dua hala. Halatuj **PS PA** disebarluaskan kepada seluruh warga melalui beberapa platform:

- 1) Taklimat Pengarah dan Pengurusan Kanan bersama warga. Taklimat pada setiap awal semester ini bertujuan memberi kefahaman tentang **PS** dan halatuj **PA** dan juga pencapaian semasa **PI** dan **SAP PA** yang telah dibentangkan oleh pihak **BTU (Bukti 2.3.3)**.
- 2) Objektif dan inisiatif perancangan strategik juga disampaikan melalui mesyuarat unit/bahagian bagi memastikan penyampaian tersebarluaskan di kampus merangkumi staf akademik, staf pentadbiran dan pelajar.
- 3) Pembentangan Pencapaian **PI** & **SAP PA** diadakan secara berkala yang melibatkan Pengarah, Timbalan Timbalan Pengarah Akademik, Penyelidikan dan Inovasi, Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar, Timbalan Pengarah Pembangunan dan Kelestarian, Pengurusan Kanan, Penyelaras Perancangan Strategik Universiti (PSTU), Ketua Unit Kualiti, Pengurus serta ahli-ahli projek yang terlibat. (**Bukti 2.3.4** dan **Bukti 2.3.5**).

Selain dari itu, pihak kepimpinan kanan sentiasa menyokong aktiviti ketiga-tiga IS Kecemerlangan 3i: Intelek, Insaniah dan Inovasi yang ditetapkan bagi mengakselerasi #ASiDPerform kecemerlangan pembangunan pelajar. Oleh itu, pemantauan aktiviti/program dilaksanakan secara berterusan serta disemak oleh kepimpinan kanan bagi memastikan aktiviti berkaitan bidang tumpuan berjalan lancar seperti yang dirancang.

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_P01_PB03_20241_Bukti 2.3.1.pdf](#)
2. [F0041_P01_PB03_20242_Bukti 2.3.2.pdf](#)
3. [F0041_P01_PB03_20243_Bukti 2.3.3.pdf](#)
4. [F0041_P01_PB03_20244_Bukti 2.3.4.pdf](#)
5. [F0041_P01_PB03_20245_Bukti 2.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Model Pemantauan Pengurusan Strategik **PA** berperanan penting dalam menilai pencapaian **IS** #ASiDperform (**Bukti 2.4.1.1**). Semua inisiatif dirancang dengan teliti (**Plan**) dan dipantau secara sistematik melalui pelbagai pendekatan, termasuk mesyuarat dan penggunaan media sosial. Pemantauan ini melibatkan kerjasama erat dengan kumpulan sasaran melalui pendekatan top-down dan bottom-up. **Komunikasi dua hala** tercapai, di mana pengurusan tertinggi menyampaikan informasi penting, dan input dari kumpulan sasaran diambil kira untuk perancangan dan penambahbaikan strategi. Pendekatan ini memastikan keberkesanan dan relevansi **PS**, serta mendorong keterlibatan semua pihak dalam mencapai matlamat **PA**.

Jawatankuasa **PS** yang diketuai oleh **PSTU** bertanggungjawab memantau prestasi **IS** yang dilaksanakan (**Do**). Beberapa inisiatif pendigitalan telah dibangunkan bagi memudahkan pemantauan **IS**. Proses pemantauan bermula dengan pelaporan berkala oleh setiap ketua projek melalui **Google Spreadsheets** dan **sistem UiSMS** (**Bukti 2.4.1.2a**). Setiap pencapaian yang direkod dan dipaparkan mengikut suku tahun akan melaporkan pulangan yang dicapai dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang.

Setiap ketua projek bertanggungjawab melaporkan status pelaksanaan dan pencapaian projek untuk memastikan pelan tindakan (**check**) dapat diambil. Analisa pemantauan dan pencapaian inisiatif kemudian dibentangkan oleh ketua projek dalam mesyuarat bersama pengarah **PA** (**Bukti 2.4.1.2b**). Jemputan ke pembentangan pencapaian diedarkan melalui emel dan aplikasi Whatsapp oleh PSTU kepada semua Kumpulan sasaran yang terlibat (**Bukti 2.4.1.2c**).

Sistem SMART digunakan oleh pihak HEP&ICAN untuk membuat pemantauan bagi projek di bawah PJIMA (**Bukti 2.4.1.3a**). Laporan kesemua aktiviti yang berkaitan akan digunakan untuk tujuan pemantauan dan pelaporan tahunan oleh pihak HEP dan PJIMA. Sementara maklumat pencapaian inisiatif direkodkan ke dalam sistem **iPROMS** bagi rekod BTU (**Bukti 2.4.1.3b**).

Kesemua sistem pemantauan yang digunakan bagi memastikan ketelusan dan keberkesanan pelaksanaan inisiatif. Setiap laporan dan pembentangan menjadi peluang untuk refleksi, penilaian dan penambahbaikan seterusnya menjadikan proses pemantauan ini dinamik dan responsif terhadap perubahan dan cabaran yang dihadapi.

Tindakan penambahbaikan (**Act**) dijalankan berdasarkan input yang diperolehi dari mesyuarat dan bengkel pemurnian **PS** (**Bukti 2.4.1.4**). Pendekatan yang berstruktur ini tidak hanya memudahkan pengesanan dan pembetulan terhadap sebarang ketidakpatuhan, tetapi juga mendorong peningkatan berterusan. Ini membolehkan pengurusan membuat keputusan yang lebih bijak dan strategik, serta menggerakkan **PA** ke arah pencapaian yang lebih cemerlang dan berdaya saing.

SENARAI BUKTI:

1. [F0041_P01_PB04_PC01_20241_2.4.1.1 NEW.pdf](#)
2. [F0041_P01_PB04_PC01_20242_2.4.1.2 NEW.pdf](#)
3. [F0041_P01_PB04_PC01_20243_2.4.1.3 NEW.pdf](#)
4. [F0041_P01_PB04_PC01_20244_2.4.1.4.pdf](#)
- 5.

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Dalam usaha melahirkan pelajar yang berketerampilan dan dinamik, demi merealisasikan aspirasi membentuk UiTM sebagai Universiti Terkemuka Dunia pada tahun 2025, **PA** terus merangka pelan dan tindakan inovatif bagi mendepani risiko yang bakal dihadapi. Oleh itu, Oleh itu, **Jawatan Kuasa Pemilik Risiko (JKPR) PA** telah diwujudkan pada tahun 2023 memandangkan ia melibatkan kos dan manfaat dalam jangka masa pendek dan panjang. JKPR ini berperanan merekodkan daftar risiko dan pengurusannya. Tahap risiko serta impak dikenalpasti dengan teliti agar langkah awal dapat diambil, memastikan tiada kegagalan dalam mencapai KPI yang ditetapkan. Pendaftaran pengurusan risiko adalah melalui templat daftar risiko di sistem electronic Risk Management System (eRMS) (**Bukti 2.4.2.1**). Mesyuarat pemilik risiko pula dilaksanakan tiga kali setahun. Risiko setiap **IS** juga dilaporkan dan diperincikan menerusi templat excel pelan tindakan strategik (SAP) (**Bukti 2.4.2.2**). Pelan tindakan kawalan risiko bagi setiap inisiatif dan perancangan untuk mengatasinya adalah seperti di **Bukti 2.4.2.3**.

Dengan adanya pelan tindakan kawalan risiko ini, **PA** dapat menilai dan mengurus setiap risiko dengan lebih efektif dan berkesan. Melalui pengenalanpastian risiko yang tepat dan langkah-langkah mitigasi yang tepat pada masanya, sebarang halangan yang mungkin mengganggu pencapaian matlamat strategik dapat dikurangkan dan dielakkan. Pendekatan proaktif ini tidak hanya meningkatkan daya tahan **PA**, tetapi juga memastikan setiap pelajar dapat memperoleh manfaat maksimum dari program yang dirancang, , dalam menghasilkan graduan yang kompetitif dan siap menghadapi cabaran masa depan. Sebagai contoh, kejayaan program Arduino Showcase 2023 yang dianjurkan oleh Unit Sains Komputer **PA**, dengan sokongan sukarelawan pelajar dari Asasi Kejuruteraan dan Asasi Undang-undang, telah melonjakkan kesinambungan serta keberkesanan inisiatif ini (**Bukti 2.4.2.4**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_P01_PB04_PC02_20241_2.4.2.1.pdf](#)
2. [F0041_P01_PB04_PC02_20242_2.4.2.2.pdf](#)
3. [F0041_P01_PB04_PC02_20243_2.4.2.3 new.pdf](#)
4. [F0041_P01_PB04_PC02_20244_2.4.2.4.pdf](#)
- 5.

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil pemantauan dan pencapaian setiap IS dikemukakan secara berkala oleh PSTU kepada pengarah PA (**Bukti 2.4.3.1a**) dan secara kuartil melalui mesyuarat pembentangan kemajuan terkini Q2 SAP 2023 (**Bukti 2.4.3.1b**). Strategi dan inisiatif ini kemudiannya disampaikan kepada semua staf PA melalui pelbagai medium seperti mesyuarat, sesi perbincangan, taklimat, dan nota ringkas, sama ada secara fizikal atau dalam talian. Dengan pendekatan ini, semua staf dapat menerima maklumat dengan tepat dan secara cepat. Pemurnian dan penambahbaikan dibincangkan melibatkan semua staf PA melalui taklimat akademik dan taklimat pengarah (**Bukti 2.4.3.2**).

Bagi memastikan proses penambahbaikan berlaku sepanjang tahun, pengurusan kanan PA mengadakan **Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)** yang diselenggarakan oleh Unit Pengurusan Kualiti sebanyak dua kali setahun (**Bukti 2.4.3.3a**). Mesyuarat ini dilaksanakan bagi memastikan terdapat penambahbaikan dan tindakan pembetulan dilaksanakan bagi hasil pemantauan yang telah dijalankan termasuk penambahbaikan dalam pengurusan dan pembangunan pelajar. Tema audit telah diusulkan dalam MKSP Bil. 02/2023 iaitu penambahbaikan proses pengajaran dan pembelajaran dengan memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran adalah mengikut piawai yang ditetapkan seterusnya menghasilkan pelajar yang cemerlang dari segi intelek, insaniah dan inovasi (**Bukti 2.4.3.3b**).

Pelbagai saluran dan pengukuran lain turut digunakan untuk tujuan penambahbaikan, termasuk borang maklum balas program, perjumpaan langsung bersama pelajar, laporan aktiviti, post-mortem program, mesyuarat akademik/jawatankuasa/unit dan perbincangan melalui kumpulan WhatsApp (**Bukti 2.4.3.4a**). Pencapaian dan kejayaan pelajar pula dihebahkan di media sosial rasmi PA seperti Facebook, Instagram, Twitter, dan Youtube (**Bukti 2.4.3.4b**). Di samping itu, input dan maklum balas staf melalui WhatsApp sangat dialu-alukan kerana aksesnya yang mudah, sesuai dengan perubahan semasa, dan mesra pengguna (**Bukti 2.4.3.5**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_P01_PB04_PC03_20241_2.4.3.1.new.pdf](#)
2. [F0041_P01_PB04_PC03_20242_2.4.3.2.pdf](#)
3. [F0041_P01_PB04_PC03_20243_2.4.3.3.new.pdf](#)
4. [F0041_P01_PB04_PC03_20244_2.4.3.4.new.pdf](#)
5. [F0041_P01_PB04_PC03_20245_2.4.3.5.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan kanan **PA** berhasil menggunakan model **PS 2023 #ASiDPerform** yang memfokuskan kepada bidang tumpuan pengurusan dan pembangunan pelajar bagi menggerakkan warga **PA** untuk mencapai objektif dan inisiatif strategik **PA**. Dalam menggerakkan warga **PA**, pengurusan kanan **PA** mengamalkan budaya penambahbaikan dengan menambahbaik perancangan strategik bagi bidang tumpuan ini.

Sejajar dengan tema strategik **PA** iaitu **perancangan strategik #ASiDPerform mengakselerasi kecemerlangan pembangunan pelajar**, model **PS 2023 #ASiDPerform** ini menjadi fokus utama dalam berjaya menjadi amalan dan dibudayakan oleh seluruh warga **PA**. Disamping itu, ketiga-tiga **objektif strategik** yang digarap oleh pengurusan kanan dari model ini secara menyeluruh dapat melahirkan pelajar yang cemerlang dari segi intelek, insaniah dan inovasi selari dengan **Model 3i (Bukti 2.5.1)**.

Dalam mencapai **objektif strategik (OS)** seterusnya **inisiatif strategik (IS)**, proses pelaporan merupakan perkara terpenting bagi PTJ. Inovasi yang telah dihasilkan amat membantu dan memudahcara proses pelaporan yang diperlukan. Antara inovasi yang dihasilkan adalah **Co-curriculum Registration System (CRS) PA** dan juga pelaporan pencapaian inisiatif strategik secara berkala di dalam *shared folder* (**Bukti 2.5.2**).

Amalan dan budaya berdasarkan model **PS 2023 #ASiDPerform** bukan sahaja dipraktikkan oleh seluruh warga **PA**, malahan telah menjadikan **PA** sebagai sebuah pusat akademik yang cemerlang. Ianya terbukti dimana **PA** telah dijadikan penanda aras oleh dua universiti awam di Malaysia iaitu **Universiti Malaysia Sarawak (UMS)** dan **Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)** serta sebuah universiti swasta iaitu **Universiti Kuala Lumpur (UniKL)** (**Bukti 2.5,3**). **PA** bukan sahaja dijadikan penanda aras oleh universiti dibawah Kementerian Pengajian Tinggi, tetapi juga oleh **Program Matrikulasi** di bawah **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)** (**Bukti 2.5.4**).

Keberhasilan dan keberkesanan Model **PS 2023 #ASiDPerform** ini tidak dapat disangkal yang terbukti menjulang **PA** sebagai pusat akademik yang cemerlang dengan merangkul **tempat pertama** bagi **Anugerah Transformasi Kecemerlangan Globally Marketable 2023 (Pillar 3 & 4)** dan **Anugerah Transformasi Kecemerlangan Ketampakan UiTM 2023 (Media Sosial)**, **tempat kelima** bagi **Anugerah Transformasi Kecemerlangan Globally Marketable 2023 (Pillar 2)**, **Anugerah Transformasi Kecemerlangan Penjanaaan Pendapatan 2023** dan juga menerima sijil **Pencapaian Kecemerlangan Prestasi (Kolej Pengajian/Fakulti)** di Majlis Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti 2023 (AKPU 2023) (**Rajah 2.5.5**).

Secara keseluruhan, **perancangan strategik #ASiDPerform mengakselerasi kecemerlangan pembangunan pelajar, selari dengan model PS 2023 #ASiDPerform** berjaya di amalkan dan di budayakan melalui inovasi yang terhasil dan amat berkesan dalam usaha pengurusan kanan **PA** melahirkan tenaga pelajar yang cemerlang bagi menghasilkan pelajar yang lebih cemerlang dari segi intelek, insaniah dan inovasi memacu kecemerlangan **PA**.

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_P01_PB05_20241_BUKTI 2.5.1.pdf](#)
2. [F0041_P01_PB05_20242_BUKTI 2.5.2.pdf](#)
3. [F0041_P01_PB05_20243_BUKTI 2.5.3.pdf](#)
4. [F0041_P01_PB05_20244_BUKTI 2.5.4.pdf](#)
5. [F0041_P01_PB05_20245_BUKTI 2.5.5.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kualiti operasi dan kelestarian sesebuah institusi dipengaruhi oleh pelanggan yang bertindak sebagai mangkin utama. **Objektif strategik (OS) yang meliputi kecemerlangan akademik, insaniah dan inovasi** merupakan fokus utama Pusat Asasi, UiTM Kampus Dengkil dalam memastikan pencapaian prestasi yang ditetapkan. Pelanggan PA dipilih berdasarkan kriteria kemasukan yang ketat untuk memastikan kesesuaian mereka dengan kurikulum yang ditawarkan. PA menjadikan **visi UiTM dan GRU2025** sebagai panduan dalam semua pelan dan inisiatif yang telah dirancang. **Pendekatan, perancangan, pelaksanaan, pemantauan risiko dan tindakan penambahbaikan** diteliti dengan terperinci oleh pihak PA dalam berurusan dengan pelanggan. **Model Tumpuan Pelanggan Pusat Asasi** digunapakai dalam mengenalpasti profil dan keperluan pelanggan. Pelanggan Pusat Asasi terbahagi kepada pelanggan dalaman dan luaran.

Pengurusan dan pembangunan pelajar adalah elemen utama dalam membentuk individu yang memiliki daya saing tinggi dan kompeten dalam aspek intelek, inovasi, dan insaniah. PA berpegang kuat kepada aspirasi, **“Nurturing Global Talent@ASiD”** bagi merealisasikan misi dan visi UiTM. Perancangan yang teliti dilakukan dalam memastikan aktiviti pembangunan pelajar adalah **bersasar dan relevan** dengan keadaan semasa serta **memenuhi misi PA, universiti, dan negara**. Perancangan ini melibatkan penglibatan warga PA di peringkat antarabangsa juga. Perancangan, pelaksanaan, pemantauan, risiko dan tindakan penambahbaikan yang dilaksanakan untuk memastikan kepuasan pelanggan meliputi staf, alumni dan komuni melalui pelbagai perancangan, program dan aktiviti pembangunan pelajar. **Model Tumpuan Pelanggan** yang diguna pakai oleh PA memperoleh maklumat daripada pelanggan secara khusus dan berjaya menjalin dan mengekalkan hubungan yang baik dengan para pelanggan PA untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dan penyampaian maklum balas pelanggan. Data pelanggan PA juga dikumpulkan melalui pelbagai jenis aktiviti dan program yang dijalankan berdasarkan maklum balas, cadangan atau aduan yang diterima melalui pelbagai kaedah.

Bagi memastikan perancangan berjalan lancar, PA mengumpul dan menganalisis maklumat pelanggan untuk laporan berkala. **Fokus utama PA adalah kepuasan pelanggan**. Ini dicapai melalui penetapan matlamat jelas, pemantauan teliti maklum balas pelanggan, dan pengambilan langkah pencegahan untuk menambah baik perkhidmatan. PA berbeza kerana pendekatan inovatifnya. Sebagai contoh, mereka menggunakan **sistem maklum balas dalam talian seperti Telegram, Facebook dan Instagram** untuk memudahkan pelajar memberikan maklum balas. Selain itu, PA mempunyai **pelan pengurusan risiko yang tersusun** untuk mengenal pasti dan menangani risiko awal. PA juga aktif melibatkan pelajar untuk memastikan mereka berpuas hati. Hasilnya, kepuasan pelajar meningkat, kadar graduan bertambah baik, dan reputasi PA semakin tertinggi. Pendekatan inovatif ini turut membawa kepada kerjasama antarabangsa. Secara keseluruhan, PA komited menyediakan pendidikan berkualiti tinggi dan pengalaman terbaik untuk pelajarannya.

Dengan komitmen berterusan terhadap inovasi dan peningkatan perkhidmatan, PA yakin ia akan terus **melahirkan graduan yang berketerampilan dan holistik**. Pendekatan inovatif ini jelas menunjukkan dedikasi PA untuk menyediakan pendidikan berkualiti tinggi dan pengalaman yang terbaik kepada para pelajarannya.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

PA mengenalpasti **Global Renowned University (GRU2025) 17 Matlamat Pembangunan Mampan , dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Bukti 3.2.1)**. PA mengamalkan **Model Tumpuan Pelanggan** yang berkesan untuk memastikan kejayaan dan kepuasan pelanggannya. Model ini menjadikan pelanggan sebagai fokus utama dan membahagikan mereka kepada dua kategori: 1) Pelanggan dalaman (pelajar dan staf) dan 2) Pelanggan luaran (alumni, pihak industri, badan professional, badan Kerajaan, Syarikat swasta, sekolah, media, komuniti setempat dan pihak Kerajaan Negeri Selangor) **(Bukti 3.2.2)**.

Pusat Asasi menggunakan pendekatan yang teliti untuk memilih pelanggan. Pemilihan ini berdasarkan kepada **syarat kemasukan program yang telah ditetapkan (Bukti 3.2.2)**. Pemilihan yang dibuat ini melalui analisis yang teliti bagi merancang tindakan penambahbaikan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada kumpulan sasar PA secara efisien. **Pendekatan yang komprehensif** ini dapat memastikan pelanggan dipilih berdasarkan keperluan dan kehendak yang sebenar. **Mekanisme yang digunakan untuk mengumpul maklum balas** termasuk aplikasi Facebook, Instagram, Telegram dan Whatsapp (yang disenaraikan di dalam laman web info akademik) di mana ibu bapa dan para pelajar boleh berhubung terus dengan pihak PA jika terdapat sebarang kekeliruan atau pertanyaan **(Bukti 3.2.2)**.

Untuk memastikan kualiti kecemerlangan pelajar PA sentiasa berada di tahap yang membanggakan, **UiTM Happiness Index 5.0** digunakan untuk mengukur tahap kegembiraan di kalangan staf. Ini kerana PA percaya bahawa indeks kegembiraan staf PA perlu dititikberatkan kerana mereka adalah **tulang belakang PA** dalam melahirkan pelajar yang cemerlang dan berkualiti tinggi **(Bukti 3.2.3)**. Selain itu, ramai staf PA yang kompeten, bahkan diakui oleh universiti lain. Ini menunjukkan bahawa **kemampuan staf PA sangat berpengaruh terhadap kecemerlangan pelajar (Bukti 3.2.3)**. Hal ini membantu PA untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan memenuhi jangkaan pelanggannya.

Dalam membentuk pembangunan pelajar secara menyeluruh, PA tidak hanya memfokuskan akademik semata-mata, namun juga **menjaga kesihatan mental dan emosi mereka**. PA menggunakan inisiatif utama bagi mencapai matlamat ini dengan menganjurkan pelbagai **program kaunseling**. Program-program tersebut memfokuskan pada menguatkan pencapaian akademik pelajar dan pembinaan kerjaya pelajar sambil menjaga kesihatan mental dan juga emosi mereka. Ini dicapai melalui sokongan dan bimbingan berterusan menerusi program seperti **Counselling & Career Outreach, Wellbeing for All: The Art Therapy Ways dan Program Perkongsian Ilmu: Kesejahteraan Emosi (Bukti 3.2.4)**. Hasil pelbagai program ini terbukti apabila pelajar dapat meningkatkan keyakinan diri dengan bertanding dalam program seperti **Asasi Motivator Competition (AMAC) dan kaunselor PA sendiri telah dianugerahkan Anugerah Pentadbir Cemerlang Khidmat Komuniti (Anugerah Cemerlang UiTM Cawangan Selangor)**. Ini menunjukkan pendekatan yang dilaksanakan oleh Pusat Asasi dapat membantu pelajar mencapai kecemerlangan dalam semua aspek kehidupan mereka.

Selain itu, aspek pemerkasaan bakat, kemahiran dan kreativiti pelajar juga ditekankan melalui penyertaan/ penganjuran/ pengiktirafan di peringkat kebangsaan. **Pengurusan pemerkasaan bakat yang strategik** dalam meningkatkan potensi pelajar secara optimum melalui penglibatan ke peringkat kebangsaan seperti seni teater di mana PA telah menjadi **rakan teater universiti awam zon tengah kepada Persatuan Teater Malaysia**. Melalui Kerjasama ini, pelbagai aktiviti persembahan teater telah diadakan **(Bukti 3.2.5)**. Malah, PA juga telah **melahirkan pemantun-pemantun yang hebat** di mana pelajar-pelajar telah bertanding di dalam Festival Pantun Antara Asasi (FANTASI) 2023 dan telah merangkul **Anugerah Pemantun Terbaik** dan dianugerahi **Naib Johan** dalam pertandingan tersebut **(Bukti 3.2.5)**.

SENARAI BUKTI:

1. [F0041_T01_TB02_20241_3.2.1.pdf](#)
2. [F0041_T01_TB02_20242_3.2.2.pdf](#)
3. [F0041_T01_TB02_20243_3.2.3.pdf](#)
4. [F0041_T01_TB02_20244_3.2.4.pdf](#)
5. [F0041_T01_TB02_20245_3.2.5.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan PA sentiasa mengutamakan **kepuasan hati pelanggan melalui penyampaian perkhidmatan yang berkesan** dan memenuhi keperluan pelanggan melalui **penambahbaikan serta peningkatan kualiti perkhidmatan**. Penyampaian maklumat kepada pelanggan disalurkan melalui beberapa mekanisma bagi memastikan pelajar mendapat maklumat yang tepat dan komprehensif. **Penyaluran maklumat secara komprehensif bermula seawal pelajar mula-mula ditawarkan mengikuti program asasi sehinggalah pelajar menamatkan pengajian** (Bukti 3.3.1).

Pengumpulan data pelanggan diperolehi melalui pelaksanaan aktiviti, data pelunjuran dan pengambilan pelajar. **Pengenalpastian data pelanggan dibuat mengikut kategori aktiviti yang dijalankan berdasarkan maklum balas, komen, cadangan atau aduan yang diterima melalui pelbagai media seperti e-mel, laporan, borang kaji selidik, Google form serta laman Facebook rasmi PA**. Selain itu, **pengumpulan data pelanggan (pelajar) dibuat bermula dari hari pendaftaran pelajar baharu sehinggalah pelajar membuat pendaftaran kursus**. Analisis data dibuat dari maklumat yang diperolehi untuk pelaporan berkala semasa mesyuarat akademik bagi tujuan rujukan dan penambahbaikan secara berterusan (Bukti 3.3.2). Penilaian maklum balas berkaitan pengajaran dan pembelajaran dibuat melalui Student University Feedback Online (SuFO), Teaching Effectiveness Index (TEX) serta Pemantauan Profesionalisme Pensyarah (PROPENS) membantu memastikan kualiti penyampaian pensyarah adalah pada tahap yang cemerlang (Bukti 3.3.3).

Pihak PA juga menjalin hubungan baik dengan industri, komuniti dan alumni dengan melibatkan penyertaan warga PA dalam penganjuran aktiviti yang diadakan oleh PA atau pihak luar. Pelbagai program berbentuk libatsama, khidmat komuniti, kesukarelawanan serta pemindahan ilmu yang melibatkan kumpulan sasar telah berjaya dilaksanakan. **Melalui penglibatan dalam aktiviti yang dilaksanakan ini, ianya dapat membantu memperkasa kemahiran insaniah dalam melahirkan mahasiswa kompeten, berketerampilan dan holistik**. Penglibatan pelanggan dalam aktiviti/program/projekkesukarelawan membentuk mahasiswa berpengetahuan yang lebih seimbang, prihatin, dan mempunyai sifat kepedulian yang tinggi kepada masyarakat (Bukti 3.3.4).

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_T01_TB03_20241_F0041_T01_TB02_20241_3.3.1.pdf](#)
2. [F0041_T01_TB03_20242_F0041_T01_TB02_20241_3.3.2.pdf](#)
3. [F0041_T01_TB03_20243_F0041_T01_TB02_20241_3.3.3.pdf](#)
4. [F0041_T01_TB03_20244_F0041_T01_TB02_20241_3.3.4.pdf](#)
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Keperluan pelanggan PA dikenal pasti melalui maklumat yang diperoleh berdasarkan maklum balas, cadangan atau aduan yang diterima. **Penilaian serta analisis dilaksanakan secara berterusan.** Pemantauan aktiviti/program/projek dijalankan melalui pelbagai kaedah, contohnya melalui **pelaporan dalam Mesyuarat Akademik dan Mesyuarat Strategic Action Plan secara berkala (Bukti 3.4.1.1).** Pelaporan ini membolehkan pihak pengurusan memantau perkembangan aktiviti/program/projek yang berkaitan bagi **memastikan ianya setara dengan KPI universiti dan memberi penghargaan terhadap pencapaian cemerlang dan penglibatan aktif kumpulan sasaran.** Hasil pemantauan yang diperoleh digunakan untuk tindakan kaji semula pengurusan serta tindakan penambahbaikan dari semasa ke semasa. PA melaksanakan kaedah pemantauan bagi **memastikan kualiti, keberkesanan dan keberhasilan kumpulan sasaran di tahap cemerlang.**

Keperluan pelanggan dari aspek pengajaran dan pembelajaran dibuat secara berterusan melalui **analisa PROPENS, TEX dan SuFO** yang dibentangkan semasa **Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Pusat Asasi (Bukti 3.4.1.2).** Potensi mahasiswa dalam bidang keusahawanan juga dapat dioptimumkan melalui pendedahan serta peluang menyertai kegiatan keusahawanan di PA. PA juga bertindak secara progresif dalam memastikan pelajar mencapai kecemerlangan dan akademik dan aktiviti kokurikulum melalui program yang telah disusun dengan teliti. **Penglibatan aktif kumpulan sasaran dalam aktiviti kokurikulum dan pembelajaran diberikan galakan melalui pemberian anugerah kepada mereka yang terlibat.** Selain itu, pembangunan modal insan melalui **penglibatan aktiviti kesukarelawanan telah memperkasa mahasiswa dalam pelbagai aspek kemahiran (Bukti 3.4.1.3).**

Keterampilan pelajar juga dibangun dan dikembangkan melalui penyertaan pertandingan di peringkat kebangsaan seperti pertandingan debat, pantun, sukan dan inovasi. Melalui pertandingan yang disertai para pelajar, **nilai-nilai seperti disiplin, tanggungjawab, dan kerjasama juga diperkukuhkan (Bukti 3.4.1.4).**

Pihak PA juga memantau prestasi akademik pelajar dan mengadakan program peningkatan diri bagi pelajar-pelajar yang tidak mencapai prestasi akademik yang memuaskan. Kebaikan yang diperolehi melalui program pemantauan yang dijalankan adalah **prestasi akademik pelajar dapat ditingkatkan dan peratusan jumlah pelajar yang gagal adalah rendah (3.4.1.5).**

SENARAI BUKTI:

1. [F0041_T01_TB04_TC01_20241_3.4.1.1.pdf](#)
2. [F0041_T01_TB04_TC01_20242_3.4.1.2.pdf](#)
3. [F0041_T01_TB04_TC01_20243_3.4.1.3.pdf](#)
4. [F0041_T01_TB04_TC01_20244_3.4.1.4.pdf](#)
5. [F0041_T01_TB04_TC01_20245_3.4.1.5.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Definisi risiko dalam konteks organisasi merujuk kepada kemungkinan berlakunya peristiwa yang boleh memberi kesan baik atau buruk kepada matlamat organisasi. Risiko boleh diterangkan sebagai hasil daripada ketidakpastian yang berkaitan dengan pencapaian matlamat organisasi.

Di dalam konteks PA, **risiko merujuk kepada kemungkinan berlakunya peristiwa yang dapat mempengaruhi pencapaian matlamat pembelajaran yang melibatkan pelanggan dalaman dan luaran.** Definisi risiko dalam konteks ini dilihat sebagai hasil daripada ketidakpastian yang berkaitan dengan **operasi harian dan keputusan strategik yang dibuat oleh PA.**

Antara risiko yang dikenalpasti boleh mempengaruhi pembelajaran adalah:

- **Risiko Operasional:** Melibatkan risiko yang timbul dari proses operasi harian institusi, seperti kegagalan sistem IT, kekurangan staf pengajar, atau masalah infrastruktur yang boleh mempengaruhi pengalaman belajar mahasiswa dan operasi kampus secara keseluruhan. **(Bukti 3.4.2.1)**
- **Risiko Akademik:** Berkaitan dengan ketidakpastian dalam mencapai standard akademik, seperti kegagalan untuk mematuhi akreditasi program, penurunan kualiti pengajaran dan pembelajaran, atau masalah penurunan jumlah pendaftaran pelajar. Risiko ini boleh mempengaruhi persekitaran pelajar untuk mendapatkan pembelajaran yang tinggi kualitasnya. **(Bukti 3.4.2.2)**
- **Risiko Kewangan:** Termasuk risiko dari perspektif kewangan institusi, seperti peningkatan kos operasi, penurunan pendapatan yang dijana, atau masalah pengurusan aset dan liabiliti yang tidak berkesan. Risiko ini boleh mempengaruhi proses pembelajaran pelajar kerana dana yang berkurangan boleh menghadkan akses pelajar kepada sumber dan pengalaman yang sejajar dalam menghasilkan pelajar yang berkualiti. **(Bukti 3.4.2.3)**
- **Risiko Pematuhan dan Regulatori:** Berkaitan dengan risiko dari segi pematuhan undang-undang dan peraturan, seperti kepatuhan terhadap peraturan akademik, undang-undang keselamatan dan kesihatan, atau undang-undang privasi data. Risiko ini boleh menjejaskan persekitaran yang kondusif untuk pelanggan dalaman. **(Bukti 3.4.2.4)**

Justeru, demi memastikan risiko ini dapat dikenal pasti terlebih dahulu bagi tujuan meminimalkan kesan risiko tersebut, **Pegawai Penyelaras Risiko telah dilantik.** Selain itu, **PA bekerja rapat dengan pihak KAS yang merupakan syarikat yang bertanggungjawab menguruskan dan menyelenggara aset PA (Bukti 3.4.2.5).**

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_T01_TB04_TC02_20241_3.4.2.1.pdf](#)
2. [F0041_T01_TB04_TC02_20242_3.4.2.2.pdf](#)
3. [F0041_T01_TB04_TC02_20243_Bukti 3.4.2.3.pdf](#)
4. [F0041_T01_TB04_TC02_20244_Bukti 3.4.2.4.pdf](#)
5. [F0041_T01_TB04_TC02_20245_Bukti 3.4.2.5.pdf](#)

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

PA memandang serius akan penyampaian perkhidmatan yang efektif terhadap pelanggan kami. Justeru itu, kaedah yang sistematik perlu digunakan dalam memastikan segala keperluan pelanggan dalaman dan luaran dipenuhi. Tahap kepuasan pelajar terhadap perkhidmatan yang diberi amat penting dan beberapa kaedah telah dilakukan untuk mengukur tahap tersebut.

Pertama sekali, kepuasan para pelanggan boleh diukur melalui sistem Aduan ICT di mana ianya adalah salah satu platform yang digunakan untuk memberi maklumat mengenai sebarang permasalahan di kampus. Melalui maklumat yang diberi, pihak PA akan mengambil tindakan dan memaklumkan setiap proses kepada pelanggan yang membuat aduan. (Bukti 3.4.3.1)

Selain itu, PA juga mengambil **langkah penambahbaikan berdasarkan maklumat yang diberi ketika mesyuarat di kampus dijalankan**. Mesyuarat yang dijalankan secara berkala akan sentiasa membincangkan hal-hal berbangkit atau isu baru yang telah diadu oleh pelanggan ataupun dikenalasti lebih awal oleh PA. Antara mesyuarat yang dijalankan adalah **mesyuarat pengurusan dan mesyuarat Jawatankuasa Akademik (JAP)**. (Bukti 3.4.3.2)

Para pelanggan juga boleh memberi input kepada PA melalui akaun sosial media rasmi. Dengan ini, adalah lebih mudah untuk pelanggan memberi input kepada PA. Penggunaan **sosial media untuk mengumpul aduan dari pelanggan lebih memudahkan dan lebih selesa untuk digunakan**. (Bukti 3.4.3.3)

Kesemua kaedah untuk mengumpul maklumbalas dan aduan dalam pelanggan ini berjaya memudahkan pihak PA untuk membalas dan mengambil tindakan lanjut dalam **memastikan perkhidmatan berkualiti dapat diberi kepada para pelanggan**.

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_T01_TB04_TC03_20241_3.4.3.1.pdf](#)
2. [F0041_T01_TB04_TC03_20242_Bukti_3.4.3.2.pdf](#)
3. [F0041_T01_TB04_TC03_20243_3.4.3.3.pdf](#)
- 4.
- 5.

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Berpandukan maklum balas dan penilaian semula daripada pelanggan, PA berterusan berusaha dalam mencetuskan aspirasi, “**Nurturing Global Talent @ ASiD**”, sejajar dengan visi UiTM dan misi GRU2025 dalam melahirkan graduan yang mampu berdaya saing di peringkat global. Melalui usaha berterusan dalam penyempurnaan, PA telah berjaya mengintegrasikan tiga inisiatif strategik utama, iaitu akademik, insaniah, dan inovasi.

Ilmiah Berkomitmen untuk memperkukuh kecemerlangan akademik para pelajar, PA telah melaksanakan pelbagai strategi berkesan (**Bukti 3.5.1**). Salah satunya adalah **penganjuran Klinik Persediaan Subjek** sebelum Peperiksaan Akhir Klinik-klinik ini menyediakan platform bagi pelajar untuk merungkai sebarang kekeliruan dalam subjek teras seperti Biologi, Kimia, dan Fizik, sekaligus **meningkatkan keyakinan** mereka menjelang peperiksaan (**Bukti 3.5.2**). Di samping itu, Pusat Asasi turut menganjurkan **Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik (MAKA)** sebagai penghargaan kepada para pelajar yang telah menunjukkan komitmen luar biasa dalam mengekalkan kualiti akademik PA yang tinggi (**Bukti 3.5.2**). Majlis ini bukan sahaja menjadi **simbolik pengiktirafan**, tetapi juga berfungsi sebagai **inspirasi** kepada pelajar lain untuk berusaha mencapai kecemerlangan dalam pembelajaran mereka.

Insaniah Menyedari kepentingan aspek insaniah dalam pembentukan insan yang cemerlang, PA telah melaksanakan pelbagai inisiatif berkesan. Salah satunya ialah **program Plus Tahfiz** yang direka khas untuk **memantapkan dan mempertahankan hafazan Al-Quran** sepanjang hayat dengan program yang sistematik dan berterusan. Program ini telah menjadi satu nilai tambah yang menjadikan pelanggan luar lebih berminat untuk menyertai PA. Sebagai contoh, PA telah menerima lawatan penandaarasan aliran Sains tahfiz dan Perakaunan Tahfiz daripada Program Matrikulasi Pendidikan Malaysia (**Bukti 3.5.2**). Di samping itu, PA juga telah menubuhkan **Islamic Centre Volunteers**, di mana para pelajar sendiri yang menjadi ahli jawatankuasanya dan bertanggungjawab untuk menganjurkan pelbagai program insaniah (**Bukti 3.5.3**). Program-program ini bertujuan untuk **meningkatkan kesedaran insaniah** para pelajar PA, dengan harapan agar mereka menjadi individu yang cemerlang akademik dan berwawasan agama yang tinggi.

Inovasi Aspek inovasi merupakan elemen penting yang dititikberatkan oleh PA. PA komited untuk melahirkan pelajar yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik dan insaniah, tetapi juga memiliki kemampuan untuk berinovasi. Untuk mencapai matlamat ini, PA telah menganjurkan dua program inovasi besar iaitu **Creations de UiTM, International Mega Innovation Carnival 2023 (CDU)** dan **International Conference on Research and Practices in Science, Technology and Social Sciences (I-Crest 2023)**. Kedua-dua program ini menyediakan platform bagi para pelajar untuk **berkongsi pengetahuan dan mencipta produk baru yang inovatif dan membentangkan dapatan kajian**. Melalui program ini, PA menggalakkan pemikiran kritis dan kreatif di kalangan pelajar serta mendorong mereka untuk **menerbitkan abstrak lanjutan dalam buku Proceeding CDU2023 dan I-CReST 2023**. Program inovasi PA telah membuahkan hasil yang membanggakan. Para pelajar berjaya **meraih pingat emas, perak, dan gangsa bagi produk baru mereka (Bukti 3.5.4)**. Kemampuan para pelajar PA tidak hanya dibuktikan dalam program inovasi PA, tetapi juga dalam pertandingan inovasi eksternal. Mereka telah mengharumkan nama PA di mana 3 kumpulan pelajar telah memenangi pingat emas, 2 kumpulan pelajar memenangi pingat perak dan 2 kumpulan pelajar memenangi pingat gangsa dalam **pertandingan inovasi PIITRAM (Bukti 3.5.5)**. Prestasi ini menunjukkan bahawa para pelajar PA **memiliki daya saing dan kemampuan pemikiran kritis dan kreatif yang tinggi**, seiring dengan aspirasi PA, Nurturing Global Talent @ ASiD.

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_T01_TB05_20241_3.5.1.pdf](#)
2. [F0041_T01_TB05_20242_3.5.2.pdf](#)

3. [F0041_T01_TB05_20243_3.5.3.pdf](#)
4. [F0041_T01_TB05_20244_3.5.4.pdf](#)
5. [F0041_T01_TB05_20245_3.5.5.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pemeriksaan Pengukuran, Analisa Terperinci dan Pengurusan Pengetahuan yang Cepak ke Arah Kecemerlangan Pelajar

Nurturing Global Talent @ASiD merupakan inisiatif yang bertujuan untuk memupuk kecemerlangan pelajar melalui tiga aspek penting, iaitu **Intelek, Insaniah, dan Inovasi**, dikenali sebagai **3i**. Model ini bermatlamat untuk menghasilkan individu yang tidak hanya cemerlang secara akademik tetapi juga mempunyai **nilai-nilai insaniah yang tinggi** serta **kemahiran inovatif** yang diperlukan dalam era globalisasi. Oleh itu, pengukuran dan analisis data memainkan peranan yang penting dalam **memastikan keberhasilan organisasi** di PA. PA adalah sangat **efektif dan sistematik** dalam **merancang, melaksanakan, memantau, dan melakukan peningkatan** terhadap **pengukuran data yang selaras dengan OS** yang telah ditetapkan. **Perancangan instrumen pengukuran** di PA juga membantu **menyediakan kerangka kerja yang jelas untuk menghubungkan matlamat OS**, memastikan bahawa pengukuran dilakukan secara efektif dan memungkinkan untuk strategi serta pelaksanaan yang tepat bagi melahirkan warga **#ASiDPerform**. Disamping itu, item ukuran yang digunakan oleh PA disesuaikan dengan instrumen pengukuran yang relevan dengan menerapkan **Model 3i**.

MODEL 3i

Model intelek adalah untuk memperkukuhkan kebolehan intelektual pelajar melalui pendekatan akademik yang holistik dan bersepadu dan menyediakan platform pembelajaran yang mencabar untuk meningkatkan keupayaan analitikal dan kreatif pelajar.

Fokus utama **aspek insaniah** adalah untuk memperkukuhkan nilai-nilai insaniah seperti etika, kepimpinan, dan kebertanggungjawaban dalam setiap aspek kehidupan pelajar serta menggalakkan pembangunan keperibadian yang matang dan kesedaran sosial yang tinggi.

Model Inovasi mendorong pengembangan kemahiran inovatif dan kreativiti dalam pemikiran dan tindakan pelajar serta menyokong projek-projek penyelidikan dan pembangunan yang mendorong kepada penciptaan solusi inovatif bagi cabaran semasa dan masa depan.

Dengan memanfaatkan **inspirasi Model 3i**, pelaksanaan pengukuran data oleh PA dilakukan **secara berterusan** sepanjang tahun. Pengumpulan data dilakukan secara teratur dan data yang terkumpul dianalisis dengan teliti. Tindakan **penambahbaikan segera** diambil berdasarkan analisis data untuk memastikan tercapainya hasil yang diinginkan, terutama dalam **mencapai OS**. PA juga mengambil inisiatif untuk **inovasi dalam pembangunan instrumen pengukuran**, seperti menaiktaraf instrumen penggunaan manual menjadi **instrumen atas talian**. Ini menjadikan instrumen-instrumen tersebut relevan dan tersedia dan **digunakan secara meluas** oleh semua bahagian dan pihak pengurusan PA.

Bagi pengurusan risiko berkaitan proses pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan, satu **template daftar risiko** telah dicipta menggunakan *Google Sheets* dan **Ahli Jawatankuasa Pemilik Risiko PA** dipertanggungjawabkan untuk mengenalpasti risiko-risiko jabatan. Salah satu risiko utama yang dikenal pasti dalam pembangunan pelajar adalah berkaitan dengan ketidaktepatan data dan data tidak diuruskan dengan baik. Oleh itu, pelbagai **aktiviti pengendalian risiko** telah dilaksanakan serta transformasi berterusan ke arah pendigitalan data laporan aktiviti di PA.

Kesimpulannya, **Nurturing Global Talent @ASiD** tidak hanya menitikberatkan kecemerlangan akademik semata-mata, tetapi juga pada pembangunan holistik pelajar melalui penerapan **nilai-nilai 3i: Intelek, Insaniah, dan Inovasi**. Dengan pendekatan pengukuran ini, pemeriksaan pengukuran, analisa terperinci dan pengurusan pengetahuan yang cekap ke arah kecemerlangan pelajar dapat disempurnakan, **#ASiDPerform** tercapai dan pelajar dibekalkan dengan keupayaan yang diperlukan untuk berjaya dalam konteks global yang semakin mencabar.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

PA amat menitikberatkan kepentingan pengurusan data dalam **#ASiDPerform** ini. Bagi mencapai pelaporan hasil yang telah dirangka dalam perancangan strategik, PA telah membuat perancangan dengan jelas. PA melakukan proses pengukuran yang teliti bagi memastikan setiap tindakan dan aktiviti yang dijalankan mencapai OS.

Item pengukuran yang menjurus ke arah penerokaan dan perangsang intelek adalah penglibatan para pelajar dalam pelbagai program yang berunsurkan ilmiah. Pendekatan ini mencakupi pengumpulan data jumlah penglibatan pelajar berserta pensyarah dalam **pelbagai program (Bukti 4.2.1)** seperti konferensi antarabangsa (I-CReST 2023), pameran ilmiah (CREATIONS de UiTM, KSTI, CogLiEx dan PIITRAM), Program Keusahawanan (MASMED). Melalui program-program ini para pelajar dapat **menguasai dengan lebih baik dan cekap kandungan silibus** yang telah dipelajari dalam bilik kuliah. Ini kerana program yang dijalankan bertindak sebagai satu platform kepada para pelajar untuk **mengaplikasikan pembelajaran dalam bilik kuliah kepada dunia sebenar**. Selain itu, **penerokaan dan perangsang intelek** telah diukur melalui **ujian dan peperiksaan rasmi** yang dikendalikan oleh BHEA PA. Hal ini dapat mengukur tahap pengetahuan para pelajar selepas 7 minggu dan 14 minggu sesi pembelajaran **(Bukti 4.2.2)**.

Item pengukuran utama dari segi menerajui insaniah pelajar diterjemahkan dalam bentuk **jumlah penglibatan pelajar** di dalam **kokurikulum** seperti program sukarelawan, aktiviti kelab dan sukan. PA amat mementingkan **pengukuran dan analisis yang sistematik** dan telah membangunkan satu sistem kokurikulum iaitu **CRS**. Sistem CRS telah digunapakai untuk mengukur sejauh mana pelajar terlibat dalam aktiviti kokurikulum dan impaknya terhadap **pembangunan pelajar secara holistik. Secara kuantitatif, sistem CRS (Bukti 4.2.3)** digunakan untuk mendapatkan statistik dan markah pelajar yang terlibat dalam kokurikulum, jenis aktiviti yang disertai, dan frekuensi penyertaan. Manakala sumber pengukuran **secara kualitatif** dilaksanakan menerusi **pengumpulan pelaporan aktiviti yang disediakan oleh penasihat/penyelia program (Bukti 4.2.3)** dengan melakukan pemerhatian, pengamatan dan tinjauan untuk memahami persepsi pelajar terhadap pengalaman kokurikulum, manfaat yang diperoleh, serta cabaran yang dihadapi. Pendekatan kuantitatif dan kualitatif telah digunakan bersama sebagai kaedah pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan bagi mendapatkan pemahaman yang menyeluruh tentang impak dan keberkesanan setiap aktiviti terhadap **keupayaan, perkembangan jaringan sosial dan kemahiran serta pembangunan pelajar secara keseluruhan**.

Bagi pengukuran inovasi pula, **item pengukuran menuju menginspirasi inovasi** ialah jumlah bilangan penglibatan, penganjuran dan pencapaian pelajar dalam program dan pertandingan inovasi tempatan/antarabangsa. Antara program inovasi yang melibatkan pelajar PA ialah CDU2023, PIITRAM2023, KSTI2023 dan juga I-CReST 2023 **(Bukti 4.2.4)**. Penglibatan pelajar dalam program tersebut dapat membudayakan kreativiti, meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah, dan mempromosikan keusahawanan. Disamping itu, **aktiviti menginspirasi inovasi** juga diukur melalui **bilangan anugerah inovasi yang diterima oleh pelajar**. Selain menyertai projek inovasi yang dipimpin oleh pelajar sendiri, terdapat juga projek pelajar yang terbukti mempunyai kualiti yang sangat baik untuk menerima anugerah prestij di pertandingan inovasi tempatan/antarabangsa **(Bukti 4.2.5)**.

SENARAI BUKTI:

1. [F0041_A01_AB02_20241_BUKTI 4.2.1.pdf](#)
2. [F0041_A01_AB02_20242_BUKTI 4.2.2.pdf](#)
3. [F0041_A01_AB02_20243_BUKTI 4.2.3.pdf](#)
4. [F0041_A01_AB02_20244_BUKTI 4.2.4.pdf](#)
5. [F0041_A01_AB02_20245_BUKTI 4.2.5.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan data yang teratur dan efisien adalah tujuan utama untuk memupuk kecemerlangan pelajar melalui tiga aspek penting, iaitu Intelek, Insaniah, dan Inovasi. Pusat ini menggunakan pendekatan pengumpulan maklumat dan rekod melalui **proses pendigitalan**.

Pengurusan data yang sistematik dan berkesan merupakan sasaran utama dalam **pengukuran yang menjurus ke arah penerokaan dan perangsang intelek PA**. PA menggunakan kaedah pengumpulan maklumat dan rekod melalui **proses pendigitalan** seperti penggunaan *Google Form* dan *Google Drive* untuk penyimpanan data (**Bukti 4.3.1**). Selain itu, proses pendigitalan juga digunapakai untuk penghantaran laporan program dan pengumpulan maklum balas peserta.

Proses pemantauan pencapaian dilaksanakan secara berkala dan berperingkat. **Pegawai bertanggungjawab** yang terdiri daripada koordinator, penyelar, penasihat dan AJK yang dilantik memulakan proses pemantauan dengan **menyediakan laporan status pencapaian program** di bawah seliaan masing-masing. Data yang dikumpul melibatkan maklumat pelapor, aktiviti, peserta, impak aktiviti dan gambar telah disertakan di laporan untuk pelaporan penuh program ilmiah pelajar.

Sistem CRS merupakan **teras utama** bagi mengoptimumkan kecekapan **pengukuran frekuensi penyertaan dan statistik markah penglibatan pelajar** dalam kokurikulum. Sistem dalam talian yang sistematik ini telah dibangunkan dan diterajui oleh BHEP bagi **merekodkan segala penglibatan dan markah kokurikulum pelajar**. Melalui sistem CRS, **semakan aktiviti** yang telah berlangsung, **semakan markah** kokurikulum serta **pemantauan markah** aktiviti pelajar dapat dilaksanakan (**Bukti 4.3.2**). Setiap pengukuran ini dapat dibuat melalui pautan <https://asid.uitm.edu.my/student> bagi pelajar dan pautan <https://asid.uitm.edu.my/crs> bagi kakitangan PA. Selain itu, **Dashboard CRS** juga menyediakan **kalender Asasi** yang memudahkan para pengguna sistem untuk **menyemak semua aktiviti** yang berlangsung pada **setiap hari, minggu dan bulan (Bukti 4.3.2)**. Setiap aktiviti di dalam **Dashboard CRS** akan **dibentangi di BHEP** dan seterusnya dilanjutkan perbincangan ke dalam **mesyuarat pengurusan PA (Bukti 4.3.3)**. Sistem pengukuran yang kedua ialah BHEP menggunakan **sistem pemfailan Borang C (permohonan melaksana aktiviti)** dan pengumpulan data pelaporan aktiviti melalui platform *Google Drive* (**Bukti 4.3.3**). **Data pelaporan aktiviti** ini kemudian **dikumpul dan dianalisis** pada **setiap bulan**, dan **dibentangkan** dalam **Program Amanat Pengarah dan Taklimat Akademik PA (Bukti 4.3.3)**. Melalui sistem pengukuran ini juga, pelajar yang merekodkan **prestasi dan pencapaian cemerlang** dalam kokurikulum dikenalpasti dan diberi **pengiktirafan di Majlis Anugerah Kokurikulum (MAKO)**.

Bagi menilai penglibatan pelajar dalam **aktiviti inovasi**, data dikumpul dengan melihat dari segi bilangan penganjuran, penglibatan dan pencapaian pelajar dalam pertandingan inovasi tempatan/antarabangsa serta bilangan anugerah pencapaian inovasi yang diterima oleh pelajar. **Bilangan penyertaan pelajar** diperoleh melalui beberapa sumber, iaitu sistem **Research And Innovation Management (PRIME), Google Forms dan Google Sheets**. Melalui sistem PRIME (**Bukti 4.3.4**), maklumat penglibatan pelajar direkodkan oleh setiap penasihat projek inovasi dan penyelidikan. Selain itu, penilaian penglibatan pelajar juga diperoleh melalui **poster anugerah inovasi** yang dimuatnaik ke **laman media sosial rasmi PA (Bukti 4.3.5)** seperti di *Instagram* (<https://www.instagram.com/pusatasasiuitmofficial>) dan *Facebook* (<https://www.facebook.com/Pusat.Asasi.Uitm>). Data penglibatan pelajar juga diperoleh melalui **soal selidik dalam bentuk Google Forms** yang diedarkan selepas setiap program inovasi dijalankan dan dipindahkan ke dalam *Google Sheets* bagi tujuan pelaporan oleh ahli jawatankuasa program.

Pengumpulan data dilakukan **sepanjang tahun secara berkala dan berperingkat**. Data yang dikumpul menjalani analisis yang teliti, untuk **menilai keberkesanan** program dan aktiviti

metod yang dilaksanakan, serta mengemukakan bukti yang menunjukkan penerapannya.

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_A01_AB03_20241_Bukti 4.3.1.pdf](#)
2. [F0041_A01_AB03_20242_BUKTI 4.3.2.pdf](#)
3. [F0041_A01_AB03_20243_BUKTI 4.3.3.pdf](#)
4. [F0041_A01_AB03_20244_BUKTI 4.3.4.pdf](#)
5. [F0041_A01_AB03_20245_BUKTI 4.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Hasil pemantauan dan analisa data dibentangkan di dalam mesyuarat. Pemantauan pengukuran data dibuat melalui **pelaporan SAP quarterly (Bukti 4.4.1.1)**. **Pelaporan aktiviti** telah disediakan oleh pengarah program dan penasihat kelab.

Bagi **kecemerlangan intelek**, hasil analisa data ujian dan peperiksaan dibentangkan di dalam mesyuarat **Jawatankuasa Akademik Pusat Asasi (JAP) (Bukti 4.4.1.2)** dan segala maklumat direkod dan dimurnikan sebelum diperluaskan untuk pengetahuan warga dalam mesyuarat akademik PA. **Pemantauan pencapaian akademik pelajar dijalankan melalui aktiviti mentor-mentee**. Bagi pelajar yang mendapat gred kurang memuaskan pada ujian pertengahan semester, mentor diberikan tanggungjawab untuk memantau para pelajar ini dengan memberikan semangat dan motivasi yang tinggi untuk terus berusaha bagi mencapai gred yang lebih baik pada peperiksaan akhir.

Selain itu, sebagai persediaan untuk menghadapi peperiksaan akhir, pelbagai kelas tambahan khas yang dijenamakan sebagai **'clinic'** untuk **subjek tertentu** turut dijalankan kepada pelajar **(Bukti 4.4.1.3)**.

Bagi mencapai **kecemerlangan insaniah**, data dan hasil dibentangkan oleh **timbangan pengarah HEP & ICAN (Bukti 4.4.1.4)**. Pelaporan aktiviti disediakan oleh pengarah program/penasihat kelab. Pembangunan sistem CRS oleh HEP dan Unit Infostruktur membantu dalam proses pemantauan aktiviti pelajar dan juga kelab ko-kurikulum. Dengan adanya sistem CRS ini, rekod dan pemarkahan merit kokurikulum telah menjadi lebih kemas dan berstruktur **(Bukti 4.4.1.5)**.

Bagi **kecemerlangan inovasi**, hasil pencapaian dilaporkan oleh pengarah program dan dibentangkan dalam mesyuarat program. Mesyuarat khas pasca program seperti, *post-mortem* telah membincangkan ketidakcapaian program dan langkah penambahbaikan. Data pencapaian para pelajar dalam penyertaan program inovasi seperti konferensi, pembentangan produk inovasi dan penerbitan penulisan dimaklumkan dalam *WhatsApp/Instagram* rasmi.

SENARAI BUKTI:

1. [F0041_A01_AB04_AC01_20241_Bukti 4.4.1.1.pdf](#)
2. [F0041_A01_AB04_AC01_20242_BUKTI 4.4.1.2.pdf](#)
3. [F0041_A01_AB04_AC01_20243_Bukti 4.4.1.3.pdf](#)
4. [F0041_A01_AB04_AC01_20244_BUKTI 4.4.1.4.pdf](#)
5. [F0041_A01_AB04_AC01_20245_Bukti 4.4.1.5.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Terdapat pelbagai risiko yang boleh menjejaskan pengukuran, analisis, dan pengurusan pengetahuan dalam bidang pembangunan pelajar PA. Jika tidak diuruskan dengan berkesan, pencapaian KPI yang ditetapkan akan menjadi sukar.

Satu **template daftar risiko** telah dicipta oleh Ahli Jawatankuasa Pemilik Risiko PA yang dipertanggungjawabkan untuk mengenalpasti risiko jabatan. **Bukti 4.4.2.1** memaparkan beberapa risiko dan tindakan yang digunapakai untuk mengatasi risiko tersebut. AJK Pemilik Risiko PA juga bertanggungjawab untuk memberi maklumat dan cadangan bagi menyelesaikan risiko jabatan, dan memasukkan daftar risiko yang telah dipersetujui dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko ke dalam sistem e-RMS. Penyelaras risiko PA mengawasi kemasukan daftar risiko PA.

Salah satu risiko utama yang dikenalpasti dalam pembangunan pelajar adalah **berkaitan dengan proses pengiraan dan memuat naik markah peperiksaan**. Risiko ini boleh berlaku disebabkan oleh **kecuaian dan kebarangkalian salah pengiraan markah**. Ketidaktepatan dalam penilaian prestasi pelajar yang berlaku boleh menjejaskan rekod akademik pelajar dan memberi kesan negatif terhadap perkembangan akademik mereka. Selain itu, risiko mungkin juga terjadi kerana **berlakunya kesilapan semasa memuat naik markah ke sistem eRES (Bukti 4.4.2.2)** di mana data tidak dimasukkan dengan betul, yang boleh mengakibatkan pelajar menerima markah yang tidak tepat.

Risiko ini dianggap tinggi iaitu di **tahap 9.6 (Bukti 4.4.2.3)** kerana boleh menyebabkan masalah dalam laporan akademik dan rekod rasmi pelajar. Ia juga boleh menjejaskan kepercayaan pelajar, ibu bapa, dan pihak berkepentingan terhadap sistem penilaian yang digunakan oleh PA. Bagi mengurangi risiko ini, **semakan markah** oleh pemeriksa kedua diterapkan sebagai kawalan sedia ada. Disamping itu, **pemantauan panduan dari Ketua Pusat Pengajian (KPP) dan Koordinator Kursus (KK) serta Resource Person (RP)** juga dicadangkan sebagai langkah penambahbaikan.

Urusan daftar surat atau dokumen masuk dan surat keluar juga antara risiko yang dikenalpasti (**Bukti 4.4.2.3**). Perkara ini boleh berlaku kerana **rekod dan pergerakan dokumen yang kurang teratur**. Walaupun dianggap risiko tahap sederhana, ia boleh menjejaskan pengukuran pembangunan pelajar dari aspek kecemerlangan akademik, insaniah, dan inovasi. Sebagai contoh, kehilangan sijil pencapaian boleh menyebabkan pelajar tidak mendapat pengiktirafan yang sewajarnya.

Untuk mengurangkan risiko ini, **penggunaan rekod excel file dan buku log** telah diimplementasi. Selain itu, **penggunaan Sistem Automasi Pejabat UiTM (sistem rekod dokumen) (Bukti 4.4.2.4)** dicadangkan sebagai kawalan tambahan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_A01_AB04_AC02_20241_BUKTI 4.4.2.1.pdf](#)
2. [F0041_A01_AB04_AC02_20242_BUKTI 4.4.2.2.pdf](#)
3. [F0041_A01_AB04_AC02_20243_BUKTI 4.4.2.3.pdf](#)
4. [F0041_A01_AB04_AC02_20244_BUKTI 4.4.2.4.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengkajian semula dan penambahbaikan bagi pengukuran kecemerlangan intelek, insaniah dan inovasi oleh PA dijalankan dengan mengambil kira hasil analisis pemantauan dan mengenal pasti risiko. Tindakan ini bertujuan untuk menyokong inisiatif *Nurturing Global Talent @ASiD*.

Taklimat Akademik (Bukti 4.4.3.1) disampaikan pada setiap semester sebelum bermulanya semester baru di mana peringatan dari segi kehadiran pelajar, pentaksiran dan tarikh penting sepanjang semester diberi kepada staf akademik. Selain itu, **Taklimat Peperiksaan Akhir (Bukti 4.4.3.2)** disampaikan oleh Pengerusi Peperiksaan PA bagi memberi peringatan kepada semua staf akademik, ketua pengawas dan pengawas peperiksaan mengenai perkara berkaitan peperiksaan akhir seperti tugas pengawas dan ketua pengawas, dan tarikh penting kemasukan markah ke sistem eRES. Disamping itu, **peringatan pemakluman markah penilaian berterusan (carry marks) kepada pelajar (Bukti 4.4.3.3)** disampaikan oleh Timbalan Pengarah (Akademik, Penyelidikan & Inovasi) melalui emel dan *WhatsApp* kepada staf akademik. Peringatan ini selaras dengan **perkara 5.2 Polisi Pentaksiran dan Penilaian Akademik 2021** (muka surat 24 - 25) supaya pelajar dapat menilai pemahaman dan prestasi mereka dalam kursus tersebut dan membuat keputusan yang lebih baik mengenai laluan akademik mereka seperti mendapatkan bantuan tambahan dari pensyarah kursus.

Tambahan pula, **jadual aktiviti pengendalian Ujian Pertengahan Semester dan Peperiksaan Akhir (Bukti 4.4.3.4)** diemel oleh HEA (**Bukti 4.4.3.5**) agar staf akademik mengambil tahu tentang tarikh penting sepanjang ujian pertengahan semester atau peperiksaan akhir berlangsung dan dapat merancang aktiviti pemarkahan akademik pelajar. Peringatan berkaitan penilaian akademik pelajar juga diberi dari masa ke semasa melalui Mesyuarat Unit oleh KPP atau RP yang diadakan pada setiap minggu.

Kesemua langkah penambahbaikan ini dapat mengurangi risiko berkaitan dengan data kecemerlangan intelek pelajar seperti kesalahan memuat naik markah.

Inisiatif pembudayaan pelaporan yang lengkap dan penghantaran yang sistematik dilaksanakan untuk mengurangkan risiko kepada pengukuran pembangunan pelajar dari aspek kecemerlangan insaniah dan inovasi. **Penggalakan laporan digital dan penyimpanan laporan digital di Google Drive** dapat memastikan penyimpanan data yang lebih tersusun dan tidak berlaku kehilangan laporan berkaitan penglibatan pelajar. Bagi memastikan data penglibatan pelajar lebih tepat pula, **had masa untuk akses link kehadiran** perlu ditetapkan agar **tidak berlaku penyalahgunaan dari segi kemasukan data penglibatan pelajar** dalam program insaniah atau inovasi.

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_A01_AB04_AC03_20241_BUKTI 4.4.3.1.pdf](#)
2. [F0041_A01_AB04_AC03_20242_BUKTI 4.4.3.2.pdf](#)
3. [F0041_A01_AB04_AC03_20243_BUKTI 4.4.3.3.pdf](#)
4. [F0041_A01_AB04_AC03_20244_BUKTI 4.4.3.4.pdf](#)
5. [F0041_A01_AB04_AC03_20245_BUKTI 4.4.3.5.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Sistem pengukuran dan analisis data yang diterapkan di PA berperanan penting dalam memastikan semua data direkod dan dilaporkan dengan teliti. PA menggunakan sistem yang efektif untuk mengukur dan menganalisis data bagi memastikan rekod dan analisis data dilaksanakan secara berterusan dan sentiasa diperbaharui dan diperbaiki. Oleh itu, **penyelenggaraan berperingkat** sistem-sistem yang digunapakai ini **menjamin kelangsungan** peningkatan proses pengumpulan dan analisis data.

Semua pelaporan aktiviti program **3i** PA dilaksanakan secara digital dengan menggunakan kaedah dalam talian seperti *Google Drive* untuk pengumpulan dan perekodan data secara sistematik (**Bukti 4.5.1**). Pendekatan ini membolehkan **warga #ASiDPerform memuatnaik maklumat terperinci secara terus**, memastikan setiap program direkodkan dengan tepat, mudah diakses dan diperluaskan ke pihak pengurusan PA (**Bukti 4.5.2**). Penggunaan platform dalam talian ini juga membolehkan penyelaras program **mengesan dan menilai kesan program dengan lebih efisien**. Dengan ini, proses pelaporan menjadi **lebih pantas dan efektif**, memberikan ketelusan yang diperlukan kepada pihak berkepentingan dan menyokong pelaksanaan yang berkesan dalam mencapai matlamat program secara keseluruhan.

Pelbagai penambahbaikan telah dilakukan kepada sistem CRS sejak dari mula pembangunan sistem ini. Integrasi berterusan ini sentiasa dilaksanakan sebagai **perluasan dan penyelarasan fungsi sistem CRS** untuk jadi **lebih efektif** dan **memenuhi keperluan sistem pemarkahan dan pengukuran kokurikulum** para pelajar di PA. Melalui **integrasi sistem CRS**, penasihat dan **semua warga #ASiDPerform** kini dapat mendaftar program pelajar dan merekod markah aktiviti kokurikulum pelajar dengan mudah (**Bukti 4.5.3**). Sistem membolehkan **semua warga #ASiDPerform** untuk **memantau prestasi keseluruhan dan markah kokurikulum pelajar** (**Bukti 4.5.4**). Ini memastikan keseluruhan proses pengurusan aktiviti kokurikulum lebih **efisien dan teratur** selaras dengan merit yang diperlukan menerusi **dasar dan kriteria pemilihan** yang ditetapkan oleh **Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia**. Ia berasaskan **prinsip meritokrasi** dengan mengunapakai komponen 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum (**Bukti 4.5.5**). Dengan akses yang ditingkatkan ini, keseluruhan komuniti **#ASiDPerform** dapat **lebih cakna dan terlibat mengenai pencapaian serta sumbangan pelajar** dalam aktiviti luar daripada kurikulum.

Kesimpulannya, melalui integrasi **Pemeriksaan Pengukuran, Analisa Terperinci dan Pengurusan Pengetahuan yang Cekap ke Arah Kecemerlangan Pelajar**, PA berjaya **mengoptimumkan kecekapan kerja, menguruskan data dengan efisien, menerapkan praktis kerja yang berkualiti serta meningkatkan sistem perekodan dan pengukuran secara produktif** di dalam pelbagai aspek. Pengukuran yang sistematik ini telah berjaya melahirkan **warga #ASiDPerform** dan meningkatkan kecekapan pengurusan mereka secara menyeluruh. Sistem-sistem yang digunapakai oleh PA ini **berjaya mencapai objektifnya** apabila **warga #ASiDPerform** memanfaatkan simpanan, ukuran dan analisis data yang diperoleh.

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_A01_AB05_20241_BUKTI 4.5.1.pdf](#)
2. [F0041_A01_AB05_20242_BUKTI 4.5.2.pdf](#)
3. [F0041_A01_AB05_20243_BUKTI 4.5.3.pdf](#)
4. [F0041_A01_AB05_20244_BUKTI 4.5.4.pdf](#)
5. [F0041_A01_AB05_20245_BUKTI 4.5.5.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Lonjakan kompetensi sumber manusia secara holistik di Pusat Asasi (PA) menjadi tonggak kecemerlangan pembangunan warga **#ASiDPerform**. Pelan Pembangunan dan Pengurusan Sumber Manusia (PPPSM) PA yang dirangka adalah berteraskan keterampilan potensi, anjakan prestasi dan kualiti serta pengoptimuman bakat warga di PA seiring dengan usaha **“Nurturing Global Talent @ASiD”** berasaskan kecemerlangan **3i merangkumi kecemerlangan intelek, insaniah dan inovasi dalam aktiviti pembangunan pelajar**. Usaha ini digarap secara strategik dan proaktif dengan menggunakan pelbagai pendekatan dan platform. Proses musyawarah secara berkala dan sistem komunikasi yang mesra warga dipergiat bagi memastikan maklumat penting berkaitan pengurusan di peringkat PA dan Universiti dapat disalurkan secara jelas, telus dan pantas kepada warganya dalam menjamin pelaksanaan operasi yang efektif dan cemerlang.

Pengurusan PA menerapkan model **PDCA (Plan, Do, Check, Act)** di dalam Model PPPSM PA dikenali sebagai **Model G2S2** yang terdiri daripada empat modus iaitu **“Grow”, “Groom”, “Sustain” dan “Struggle”** merupakan inovasi PPPSM PA dalam memastikan keperluan, persekitaran dan sistem kerja warga PA dalam keadaan yang optimum.

Modus pertama iaitu **“Grow”** bertepatan dengan **“Plan”** digunapakai dalam perancangan dan pelantikan staf/jawatan baharu di PA. Manakala, modus kedua iaitu **“Groom”** memperkasakan bimbingan, latihan dan aktiviti pembangunan staf **ibarat menggilap permata**. Tahap kompetensi staf menjadi pemangkin dalam meningkatkan kemahiran, menambah nilai ilmu serta penekanan etika kerja profesional dan cemerlang. Modus ini selari dengan kaedah **“Do”** dimana latihan dan panduan diberikan kepada staf mengikut keperluan.

Ke arah mencapai **Pelan Strategik (PS)** PA dan **Global Renowned University (GRU2025)**, modus ketiga adalah sejajar dengan **“Check”** iaitu **“Sustain”** diterapkan dimana staf berpotensi dan berprestasi tinggi dikekalkan agar perancangan yang telah dilakukan dapat dilaksanakan dan dipantau secara berkesan dan sistematik. **Model penggiliran portfollio staf** menjadi memberi ruang untuk staf memperluas keupayaan dan kemahiran dalam pelbagai aspek. Penganjuran program pembangunan staf dan maklumbalas menjadi pengukur dalam meningkatkan prestasi dan hasil kerja staf. Proses penilaian yang telus dan adil digunapakai bagi memastikan prestasi staf dapat dipertingkatkan lagi. Seterusnya, pengiktirafan kejayaan staf menjadi peransang progresif dengan anjakan penetapan sasaran pencapaian dan prestasi baharu yang lebih tinggi lagi sekaligus menyerlahkan potensi staf PA di **peringkat global**.

Modus keempat ialah **“Struggle”** digunapakai dalam **pengurusan risiko sumber manusia**. Dua faktor utama iaitu faktor dalaman dan luaran yang menjadi risiko kepada mengurus dan membangunkan staf telah dikenalpasti dan diurus serta dipantau oleh pihak pengurusan kanan PA melalui Jawatankuasa Unit Pengurusan Risiko. PA sentiasa proaktif dalam mengenalpasti risiko berkaitan sumber manusia, persekitaran dan sistem kerja melalui pemantauan dan mesyuarat berkala bertepatan dengan **“Act”** di mana langkah dinamik telah dijalankan di PA. Projek **#ASiDMuhibah** dan **#ASiDPeduli** dengan jayanya telah dijalankan sebagai **tindakan penambahbaikan pengurusan risiko**.

Secara keseluruhannya, **kejayaan model G2S2** terserlah melalui peningkatan nilai keseluruhan geran penyelidikan, hasil inovasi, kenaikan pangkat, perkongsian kepakaran di PA sehingga menjadi sumber rujuk oleh pihak luar serta lonjakan kompetensi staf secara holistik dalam mencapai kecemerlangan pembangunan pelajar yang diadakan. Ianya **selari dengan model PDCA UiTM** sekaligus membawa PA ke arah pencapaian **pelan strategik UiTM2025**. Nilai positif terhadap persekitaran dan sistem kerja staf di PA terpancar dan dapat diukur melalui **program bersifat kesejahteraan emosi serta Happiness Index yang amat baik**.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

PA sentiasa menekankan dan memberikan perhatian terhadap Pengurusan dan Pembangunan Pelajar. Pada 2023, warga PA terdiri daripada 314 staf (akademik dan pentadbir) yang bertanggungjawab dalam pelbagai portfolio penting di PA. Kesemua warga di PA berpaksikan pada objektif yang sama bagi pembangunan pelajar di mana setiap staf memegang tanggungjawab yang tersendiri untuk membantu kecemerlangan pelajar berasaskan **3i**; iaitu intelek, insaniah dan inovasi. Rajah 5.2.1(a) dibawah menunjukkan komponen utama pengurusan manusia yang diaplikasikan di PA. **Model G2S2**, iaitu; **Grow, Groom, Sustain** dan **Struggle** digunapakai oleh Pengurusan PA untuk memastikan kemahiran dan pengalaman pekerja diperoleh secara maksimum. Matlamat model pengurusan sumber manusia ini adalah untuk mencapai kecemerlangan dalam kalangan warga **UiTM** dan **i-DART**, sejajar dengan **Model ESI** dan **i-DART** yang memberi tumpuan kepada kecemerlangan, sinergi, dan integriti (Rajah 5.2.1(b)).

Modus 1 - Pengambilan dan Penempatan Staf yang Berkelayakan (Grow)

- a) Pelantikan staf akademik dilakukan berdasarkan surat penjawatan (waran) yang diterima daripada pejabat pendaftar.
- b) Keperluan pelantikan ditentukan berdasarkan permohonan jawatan yang diajukan oleh Pusat Asasi dan diluluskan oleh pejabat pendaftar.
- c) Pusat Asasi memainkan peranan penting dalam mengenal pasti calon yang sesuai untuk dilantik sebagai pensyarah dengan mempertimbangkan beberapa kriteria, iaitu:
 - Bidang keperluan
 - Memiliki PhD dan kelayakan profesional yang memberikan nilai tambah
 - Memiliki kebolehan mengajar dengan baik dan memiliki pengetahuan yang luas.

Modus 2 – Pembangunan Kompetensi untuk Pembangunan Staf (Groom)

Dengan berasaskan Model 4Ps (Rajah 5.2.1 (c)), berikut adalah antara insentif yang telah dilakukan oleh PA dalam membimbing staf akademik dan pentadbiran bagi memastikan kompetensi staf terus meningkat selari dengan kecemerlangan pelajar berasaskan **3i**.

- a) Pemantauan berkala dijalankan oleh pengurusan PA melalui Bahagian Kemajuan Kerjaya (BKK) dalam memastikan staf akademik yang sedang menjalani pengajian PhD dapat menyelesaikan pengajian dengan cemerlang.
- b) Menyediakan platform fizikal atau atas talian pada staf akademik dan pentadbiran untuk menjalankan dan mengadakan bengkel dan latihan untuk tujuan pembangunan staf yang bersifat holistik.
- c) Dorongan penglibatan staf akademik dan pentadbiran untuk melibatkan diri ke program dan latihan yang dianjurkan dari pihak Institut Latihan dan Pembangunan (ILD) dan Bahagian Pentaksiran dan Penilaian Akademik (BPPA).
- d) Pelantikan mentor kepada staf baharu bertujuan membantu mengenali Pusat Asasi dengan lebih dekat, memahami tugas yang perlu dijalankan, dan merancang pengurusan kerjaya.
- e) Penggiliran tugas kerja dilaksanakan kepada staf pentadbir akademik dan staf pentadbiran melalui dua model penggiliran yang berbeza iaitu: i) Model Pelan Penggantian (Rajah 5.2.2 (a)) buat staf pentadbir akademik manakala ii) Model Penggiliran Portfolio (Rajah 5.2.2 (b)) buat staf pentadbiran.

Modus 3 – Mengekalkan Staf Berpotensi dan Berprestasi Tinggi (Sustain)

Bagi mengekalkan staf yang berpotensi dan sentiasa berprestasi tinggi, Pihak Pengurusan Asasi mempraktikkan kaedah budaya yang fleksibel bagi melahirkan staf yang berkebolehan dalam pelbagai aspek, kompeten dan berintegriti. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

diberikan setiap tahun kepada staf yang berprestasi tinggi dengan menggunakan Model Anugerah Akademik Universiti di peringkat Asasi (Rajah 5.2.2 (c)). Selain itu, penghargaan dan hebahan berkenaan kejayaan yang dicapai oleh staf akademik seperti penerbitan berindeks tinggi seperti Q1 dilaporkan melalui email dan juga WhatsApp bagi meningkatkan lagi semangat dan motivasi staf-staf yang lain (Rajah 5.2.3 (a)).

SENARAI BUKTI:

1. [F0041_S01_SB02_20241_BUKTI 5.2.1.pdf](#)
2. [F0041_S01_SB02_20242_BUKTI 5.2.1C.pdf](#)
3. [F0041_S01_SB02_20243_BUKTI 5.2.2B.pdf](#)
4. [F0041_S01_SB02_20244_BUKTI 5.2.2C.pdf](#)
5. [F0041_S01_SB02_20245_BUKTI 5.2.3.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi mencapai objektif pemeraksanaan dan mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia dan selaras dengan model Pembangunan Sumber Manusia Pusat Asasi (“**Grow**”, “**Groom**”, “**Sustain**” dan “**Struggle**”), Pengurusan PA melalui kaedah pelan penggantian menetapkan **matlamat iaitu mencapai kecemerlangan pembangunan pelajar berteraskan kecemerlangan 3i merangkumi intelek, inovasi dan insaniah**. Pihak Pengurusan amat mementingkan **kemajuan prestasi, kecemerlangan bakat dan kepakaran staf**.

Jawatankuasa pelan penggantian berfungsi untuk mengenal pasti calon bakat bagi jawatan pentadbir akademik/penyelaras mengikut **Modus 2 (Groom)** dari **Model Pembangunan Staf Pusat Asasi – G2S2 (Rajah 5.2 (1a))**. Pelbagai kaedah dirangka demi memastikan staf yang berpotensi terus relevan di PA. **Bukti 5.3.a** antaranya ialah (1) Penyediaan Model Pelan Penggantian (**Rajah 5.3.1**) dan (2) Pengesahan cadangan calon di bawah pelan penggantian dalam Mesyuarat Pengurusan (**Rajah 5.3.2**).

Modus 2 - Pembangunan Kompetensi untuk Kecemerlangan Staf (Groom) Bagi Pembangunan dan Kecemerlangan Pelajar

i. Pengurusan PA, melalui Bahagian Kemajuan Kerjaya (BKK) menjalankan pemantauan berkala terhadap staf dalam pengajian PhD untuk memastikan mereka mengikut pelan pengajian yang telah dirancang (**Rajah 5.3.3**).

ii. Memberi galakan kepada staf bagi melanjutkan pelajaran melalui hebahan tawaran biasiswa (**Rajah 5.3.4**).

iii. Menyediakan pelbagai platform kepada staf untuk mengadakan **bengkel serta latihan (Rajah 5.3.5)**.

iv. Mewujudkan wadah pengembangan bakat dan kepakaran dengan penganjuran dan penyertaan pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi **mengetengahkan bakat kecemerlang 3i di kalangan pelajar (Rajah 5.3.6)**

v. Penganjuran pertandingan inovasi dan juga konfrensi diperingkat antarabangsa. (**Rajah 5.3.7**).

Modus 3 – Mengekalkan Staf Berpotensi dan Berprestasi Tinggi (Sustain) Bagi Pembangunan dan Kecemerlangan Pelajar

i. **Pelaksanaan program pelan penggantian merupakan salah satu inovasi PA yang terhasil melalui perluasan**. PA telah melaksanakan program pelan penggantian berpandukan Model Pelan Penggantian (**Rajah 5.3.1**) bagi pentadbir akademik. Jawatankuasa yang terlibat berperanan mengenalpasti calon yang berkaliber dan mempunyai ciri-ciri seperti (1) Ciri kepimpinan yang meyakinkan, (2) Kebolehan dalam membuat keputusan, mengambil tindakan dan menanggung risiko dan (3) Berkeupayaan mendisiplinkan staf.

ii. **Bukti 5.3.b** antaranya menunjukkan penilaian prestasi (**Rajah 5.3.8**) yang telus dan adil, meningkatkan keupayaan prestasi, keperluan latihan dan penyampaian kerja, seterusnya memberi **pengiktirafan** melalui **penganugerahan APC (Rajah 5.3.9)** dan **AAU peringkat PA (Rajah 5.3.10)**. Disamping itu bagi menghargai staf yang berkebolehan dan juga mempunyai personaliti, bakat serta keperibadian yang unggul juga telah diberi pengiktirafan melalui penganjuran **Majlis Anugerah Kelab Kebajikan Staf Pusat Asasi Tahun 2023 (Rajah 5.3.11)**.

iii. **Rujuk Bukti 5.3.c**, Bagi memantapkan pengurusan **Minggu Destini Siswa (MDS)**, Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah membentuk jawatankuasa kerja yang terdiri dari staf yang **berpengalaman dan berpengetahuan luas** untuk memastikan **proses pembangunan pelajar** ini berkesan bermula dari awal iaitu sewaktu minggu orientasi dan suai kenal pelajar. (**Rajah 5.3.11**). Disamping itu bagi **membangunkan pelajar yang berketerampilan**, staf juga terlibat aktif sebagai Penasihat Persatuan Kokurikulum demi memastikan pelajar senantiasa bergiat

akhir di raih oleh pengkajiannya. (Bukti 5.3.f)

iv. Bagi **perluasan dan mengoptimumkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia PA** dalam membangunkan pelajar yang berwibawa dan intelektual, **strategi yang efektif dan perluasan bakat di kalangan staf menjadi tonggak kecemerlangan intelek, inovasi dan pembangunan insaniah**, sukan (**Bukti 5.3.d**), aktiviti kemasyarakatan bersifat pemindahan ilmu, kesejahteraan emosi dan kesihatan mental serta keusahawanan. (**Bukti 5.3.e**)

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_S01_SB03_20241_17.8.2024 revised BUKTI 5.3.a.pdf](#)
2. [F0041_S01_SB03_20242_17.8.2024 Revised BUKTI 5.3.b.pdf](#)
3. [F0041_S01_SB03_20243_17.8.2024 REVISED BUKTI 5.3.c.pdf](#)
4. [F0041_S01_SB03_20244_BUKTI 5.3.d.pdf](#)
5. [F0041_S01_SB03_20245_BUKTI 5.3.e.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

PA amat peka dalam **memastikan tahap kepuasan hati serta aduan warganya dengan menitikberatkan keadaan persekitaran dan sistem kerja yang kondusif bagi memastikan kompetensi staf PA melonjak secara holistik**. PA juga komited dalam memastikan aktiviti pembangunan pelajar mencapai **kecemerlangan 3i berjalan dengan efektif dan relevan sejajar dengan inisiatif strategik yang telah dirancang**. Penganjuran aktiviti pembangunan pelajar diadakan mengikut **fleksibiliti teknologi**, kesesuaian masa dan tempat di mana pelbagai aktiviti pembangunan staf **dianjurkan secara versatil**; platform bersemuka, atas talian dan juga secara hibrid. Kaedah pengukuran yang holistik telah digunakan untuk mengukur kepuasan staf seperti melalui **mesyuarat mingguan Unit, mesyuarat berkala Koordinator, mesyuarat berkala Kelab Kebajikan** seterusnya disalurkan ke Pengurusan Kanan melalui MPPA.

Sistem sokongan yang baik dan platform mesra pengguna dapat meningkatkan produktiviti dan penglibatan staf dalam setiap aktiviti pembangunan pelajar. Maklum balas berkenaan tahap kepuasan hati warga Pusat Asasi terhadap persekitaran dan sistem kerja telah dijalankan melalui **Kajian Indeks Kegembiraan** dan laporan adalah seperti dalam **Bukti 5.4.1(a)**.

Menariknya lagi, **pelbagai program bersifat kesejahteraan emosi** diadakan dalam memantau dan menilai tahap kepuasan hati warga PA terhadap persekitaran dan sistem kerja seperti **Bukti 5.4.1(b)**. Tahap kegembiraan warga PA terzahir melalui penganjuran program yang **bersifat holistik merangkumi aspek kerohanian, sukan rekreasi, kesejahteraan emosi, khidmat masyarakat** dan banyak lagi. Penglibatan dan kerjasama semua warga menonjolkan **tahap kepuasan hati yang amat baik** terhadap persekitaran dan sistem kerja di PA.

Sasaran **e-aduan kepuasan hati pelanggan** terhadap pengurusan PA adalah usaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan dari segi pengajaran, penyelidikan dan pentadbiran. Keperluan terhadap pelanggan dikenalpasti dan diberi keutamaan bagi memastikan kepuasan pelanggan tercapai.

Pusat Asasi menyediakan **sistem e-aduan secara atas talian (Bukti 5.4.1(c))** bagi memudahkan komunikasi supaya segala maklumbalas dapat direkodkan dan diambil tindakan sewajarnya. Kesemua aduan yang diterima dipantau oleh Bahagian Fasiliti dan respon tindakan oleh pihak konsensi dengan pemantauan staf fasiliti yang telah dipertanggungjawabkan. Setiap aduan yang dibuat direkodkan mengikut bulan dan dibahagikan kepada jenis aduan. Kesemua aduan yang dibuat berjaya diselesaikan seperti dalam **Bukti 5.4.1(d)**. Selain dari itu, PA juga menyediakan platform aduan **secara manual seperti aduan secara verbal melalui panggilan telefon, aduan melalui email** dan juga **Whatsapp Group**. (Rujuk **Bukti 5.4.1(e)**)

SENARAI BUKTI:

1. [F0041_S01_SB04_SC01_20241_BUKTI 5.4.1\(a\).pdf](#)
2. [F0041_S01_SB04_SC01_20242_BUKTI 5.4.1\(b\).pdf](#)
3. [F0041_S01_SB04_SC01_20243_BUKTI 5.4.1\(c\).pdf](#)

4. [F0041_S01_SB04_SC01_20244_BUKTI 5.4.1\(d\).pdf](#)
5. [F0041_S01_SB04_SC01_20245_BUKTI 5.4.1\(e\).pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

PA melaksanakan **sistem pengurusan risiko yang strategik dan sistematik sejajar dengan Perancangan Pengurusan Risiko UiTM (2015-2025)**. Pemantapan sistem pengurusan risiko yang sistematik dan berkesan untuk menangani risiko adalah amat penting bagi melancarkan operasi PA seterusnya meningkatkan kecemerlangan aktiviti pembangunan pelajar dan pengurusan sumber manusia agar suasana kerja **kekal kondusif, selamat dan menggembirakan**. Penambahbaikan sistem kerja dan kawalan risiko dilaksanakan secara **strategik, efektif dan sistematik** berdasarkan Panduan Pengurusan Risiko UiTM. (**Bukti 5.4.2(a)**). **Sinergi tenaga dan idea staf akademik dan pentadbiran yang simbiosis dengan slogan #ASiDPerform meningkatkan kemampuan warga dalam menangani apa jua cabaran dan risiko yang muncul**.

Gerak kerja **Plan, Do, Check and Act (PDCA)** sentiasa diamalkan. Dua faktor utama iaitu **faktor dalaman dan luaran** yang menjadi risiko kepada mengurus dan membangunkan staf telah dikenalpasti dan diurus serta dipantau oleh pihak pengurusan kanan PA melalui Unit Pengurusan Risiko seperti tertera dalam **Bukti 5.4.2(b)**. **Pembentukan Organisasi Unit Pengurusan Risiko** dikalangan staf pentadbiran dan akademik menyerlahkan sinergi dan memberi kekuatan kepada PA menangani cabaran dan risiko dalam sistem kerja dan fungsi jabatan.

PA sentiasa proaktif dalam mengenalpasti risiko sumber manusia yang berkaitan dengan **Pengurusan dan Pembangunan Pelajar**. Terdapat **lima belas (15) risiko yang telah dikenalpasti dan dilaporkan** sepanjang tahun 2023. Mekanisme kawalan dan pengendalian diwujudkan bagi setiap risiko yang dikenalpasti bagi memastikan kejayaan pencapaian operasi. **Bukti 5.4.2(c)** menunjukkan antara risiko yang berkaitan dengan bidang tumpuan.

Mesyuarat berkala Unit Pengurusan Risiko diadakan bagi memastikan pengurusan risiko adalah terkawal, efektif dan efisien. Pembentangan maklumat risiko dalam mesyuarat Pengurusan Risiko setiap 6 bulan menyenaraikan risiko, tahap risiko, pelan tindakan kawalan risiko dan perancangan mekanisme kawalan serta hasil pengendalian risiko didaftarkan seperti dalam borang daftar risiko. **Bukti 5.4.2(c)**. Semakan semula risiko setiap 6 bulan juga turut dijalankan. Latihan dan bimbingan juga diberikan kepada penyelarasan dan pegawai Pengurusan Risiko. (**Bukti 5.4.2(d)**).

Secara keseluruhan, **PA amat komited dalam Pengurusan Risiko yang efisien, efektif, sistematik dan strategik** sekaligus menggalakkan **budaya kerja proaktif** bagi isu yang mempunyai **impak besar** dimana tindakan pencegahan dapat dilaksanakan. Di samping, membantu pengurusan untuk membuat **keputusan lebih tepat berdasarkan tindakan kawalan terhadap risiko atau peluang yang dihadapi**. Ianya sejajar dengan **Objektif Pengurusan Risiko UiTM**. (**Bukti 5.4.2(e)**)

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_S01_SB04_SC02_20241_BUKTI 5.4.2\(a\).pdf](#)
2. [F0041_S01_SB04_SC02_20242_BUKTI 5.4.2\(b\).pdf](#)
3. [F0041_S01_SB04_SC02_20243_BUKTI 5.4.2\(c\).pdf](#)
4. [F0041_S01_SB04_SC02_20244_BUKTI 5.4.2\(d\).pdf](#)
5. [F0041_S01_SB04_SC02_20245_BUKTI 5.4.2\(e\).pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Terdapat beberapa penambahbaikan yang dinamik dilakukan oleh PA bagi memastikan persekitaran kerja dan sistem kerja yang kondusif seperti mewujudkan projek **#ASiDMuhibah** yang memastikan sekurang-kurangnya 1 pensyarah 1 jawatankuasa, 1 pensyarah 1 bilik serta ruang kerja terbuka dan muhibah juga diwujudkan di Bangunan Pusat Kesihatan bagi meningkatkan keselesaan dan keamanan staf untuk bekerja, mengemaskini ruang penyelidikan di Makmal Penyelidikan seperti dalam **Bukti 5.4.3 (1)**. Menariknya lagi, PA juga menjayakan projek **#ASiDPeduli** bagi memastikan kesejahteraan mental dan emosi warga dalam keadaan yang baik dan sejahtera melalui pelbagai bengkel dan aktiviti bersifat kesejahteraan emosi.

Pelbagai inisiatif lain dilalukan bagi mewujudkan budaya tempat kerja berprestasi tinggi seperti dalam **Jadual 5.4.3 (a)**. Tindakan penambahbaikan yang diambil bagi memastikan kesejahteraan kesihatan mental warga dapat dilihat dalam **Jadual 5.4.3 (a)**.

Dalam memastikan setiap perancangan program berjalan dengan lancar, sinergi mapan antara staf pentadbiran dan akademik amatlah penting. Pelan tindakan yang telah diambil adalah bertujuan untuk mengoptimumkan dan mengimbangi pengurusan sumber manusia dalam menjayakan sesuatu aktiviti pembangunan pelajar. **Sekaligus menjadikan pengurusan risiko yang efektif dan efisien melalui projek #ASiDMuhibah dan #ASiDPeduli.**

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_S01_SB04_SC03_20241_5.4.3.pdf](#)
2. [F0041_S01_SB04_SC03_20242_5.4.3 a.pdf](#)
3. [F0041_S01_SB04_SC03_20243_5.4.3 1.pdf](#)
4. [F0041_S01_SB04_SC03_20244_5.4.3 2.pdf](#)
5. [F0041_S01_SB04_SC03_20245_5.4.3 3.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pusat Asasi telah memfokuskan kecemerlangan aktiviti pembangunan pelajar dengan memastikan keterlibatan warga PA secara optimum melalui inovasi yang terhasil dalam pelan tindakan yang telah dijalankan. **Penganjuran konferensi, karnival inovasi dan siri webinar secara virtual, bersemuka dan hibrid di peringkat Pusat Asasi dan peringkat UiTM serta peringkat antarabangsa** telah berjaya dijalankan dengan kerjasama mapan antara staf akademik dan staf pentadbiran dengan mengoptimalkan kepakaran tersedia. Amat membanggakan lagi, Pusat Asasi UiTM merupakan **satu-satunya Pusat Asasi yang berjaya menganjurkan Konferensi dan Pertandingan Inovasi Peringkat Antarabangsa setiap tahun** seperti tertera di dalam **Bukti 5.5.1**.

Lonjakan kompetensi holistik sumber manusia PA juga dapat dilihat dalam kepelbagaian penganjuran dan pencapaian cemerlang aktiviti pembangunan pelajar antaranya, PA telah menganjurkan **Festival Pantun Antara Asasi (FANTASI 2023)** dengan penuh meriah dan gemilang serta **merangkul Naib Juara**. Dalam mencapai kecemerlangan 3i, gabungan hebat antara staf akademik dan staf pentadbiran PA dalam menguruskan **pasukan Sukan Asasi Malaysia telah berjaya merangkul tempat kedua** secara keseluruhan dan amat membanggakan PA telah **menjuarai pertandingan Debat Piala Naib Canselor** kategori Debat Bahasa Melayu serta pendebat PA telah dianugerahkan **Pendebat Terbaik** serta mendapat **tempat ketiga dalam Pertandingan Debat Inter-Asasi. Hasil inovasi in dapat dilihat dalam pembentukan pengurusan kontinjen bagi setiap acara yang disertai.** Kompetensi sumber manusia PA juga terserlah dalam kepelbagaian aktiviti kecemerlangan intelek, insaniah dan inovasi seperti tertera dalam **Bukti 5.5.2**.

Hasil inovasi berelemenkan teknologi juga diwujudkan oleh staf PA dikenali sebagai **sistem Pendaftaran Kokurikulum (CRS)** yang telah dibangunkan dan ditambah baik dari masa ke semasa. Semua warga dapat melihat paparan kalendar aktiviti pelajar, rekod pendaftaran kelab, pendaftaran aktiviti pembangunan pelajar, rekod kehadiran pelajar, rekod markah kokurikulum dan lain-lain boleh dilakukan secara atas talian tertera pada **Bukti 5.5.3**. Inovasi ini amat membanggakan kerana Pusat Asasi UiTM merupakan **satu-satunya Pusat Asasi di Malaysia yang menggunakan sistem atas talian yang mesra pengguna.**

Dalam pengurusan komitmen dan KPI staf, hasil penulisan dan penerbitan daripada projek inovasi dan penyelidikan staf akademik PA juga telah dikumpulkan dan dimuatnaik di platform laman sesawang rasmi Pusat Asasi dengan memaparkan hasil penerbitan, projek penyelidikan dan sumbangan kepakaran staf PA seperti dalam **Bukti 5.5.4**. Paparan pencapaian dan kejayaan staf ini selain menjadi pemangkin kepada warga PA dan UiTM, ia juga sekaligus **meningkatkan visibiliti PA secara global.**

Inovasi seperti ini turut meningkatkan kepuasan hati warga PA sekaligus memupuk budaya techno-savvy, berdaya saing, ketampakan kecemerlangan dan Green Campus melalui penjimatan kertas.

PA telah mengambil **pendekatan dinamik dan bermotivasi** dalam transformasi ke arah perkhidmatan yang cemerlang dalam usaha mencapai kecemerlangan aktiviti pembangunan staf. Pemantapan pengurusan prestasi, pengiktirafan dan sanjungan serta motivasi bersifat intrinsik juga ekstrinsik dipertingkatkan. Justeru, prestasi kerja warga PA dapat dilihat melalui penilaian keberhasilan, penetapan sasaran dan akauntabiliti, serta pengiktirafan yang sejajar dengan misi dan visi PA. Penghargaan dan pengiktirafan yang telah diberikan antaranya adalah **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Anugerah Akademik Universiti (AAU) Peringkat PA** melalui pelbagai platform seperti buletin rasmi, laman sosial rasmi PA, hebahan melalui email serta medium sosial Whatsapp bagi mewar-warkan pengiktirafan dan penghargaan seterusnya memberikan inspirasi dan semangat persaingan sihat kepada warga PA. (Sila rujuk **Bukti 5.5.5**)

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_S01_SB05_20241_BUKTI 5.5.1.pdf](#)
2. [F0041_S01_SB05_20242_BUKTI 5.5.2.pdf](#)
3. [F0041_S01_SB05_20243_BUKTI 5.5.3.pdf](#)
4. [F0041_S01_SB05_20244_BUKTI 5.5.4.pdf](#)
5. [F0041_S01_SB05_20245_BUKTI 5.5.5.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Bagi mencapai objektif strategik Pusat Asasi, bahagian dan unit di PA yang terlibat untuk mengendalikan bidang pengurusan dan pembangunan pelajar **sentiasa memastikan kelangsungan proses-proses utama adalah berkualiti dan selaras dengan perancangan strategik PA**. BHEA adalah bahagian terpenting bagi menguruskan akademik pelajar manakala BHEP pula merupakan bahagian utama bagi menguruskan hal ehwal pelajar dalam struktur organisasi PA. Bagi melancarkan kelangsungan proses-proses utama dan sokongan, setiap proses tersebut harus mematuhi prosedur kerja yang telah ditetapkan. **Setiap proses pengurusan dan pembangunan pelajar diketuai oleh individu-individu yang kompeten serta berkaliber tinggi** agar setiap proses berjalan dengan lancar.

PA mengamalkan sistem pengurusan kerja bersepadu dan berintegritas untuk memastikan kepuasan pelanggan dan pihak berkepentingan (*stakeholders*). Berlandaskan Objektif Strategik (OS) yang memfokuskan tiga elemen utama dalam pembangunan pelajar iaitu **Kecemerlangan Intellect, Kecemerlangan Insaniah dan Kecemerlangan Inovasi (Kecemerlangan 3i)**, aspek pengurusan dan pembangunan pelajar dirangka secara sistematik bagi menepati *Performance Indicator* yang telah ditetapkan. Inisiatif strategik (IS) dimanfaatkan oleh PA untuk merancang program-program pemantapan bagi pengurusan dan pembangunan pelajar yang selaras dengan visi dan misi UiTM di mana penglibatan pelajar dalam kegiatan akademik dan kokurikulum mampu memupuk nilai murni, sikap dan tingkah laku mulia serta melahirkan graduan berkecekapan global.

Selaras dengan Pelan Strategik UiTM 2025, pihak pengurusan PA amat menitikberatkan beberapa pendekatan seperti proses kelulusan, proses pengurusan dan proses pengumpulan data bagi sesuatu projek/program akademik mahupun kokurikulum bagi meningkatkan mutu pengurusan dan pembangunan pelajar. Kelulusan program akademik dan inovasi akan ditentukan di dalam mesyuarat pengurusan PA, contohnya seperti AICD, *CREATIONS de UiTM* (CDU), *Conference on Research and Practices in Science, Technology and Social Sciences* (I-CReST) dan Karnival Sains dan Teknologi Islam (KSTI). Selain itu, BHEP pula memainkan peranan utama dalam program kokurikulum pelajar seperti membuat persediaan kelab dan persatuan dan perangkaan aktiviti-aktiviti yang membentuk kecemerlangan insaniah pelajar. Kecemerlangan inovasi yang melengkapkan sifat holistik para pelajar juga melalui proses tumpuan di peringkat *classroom* di mana bakat para pelajar dicungkil melalui penghasilan *assignment* yang diterjemahkan di dalam bentuk inovasi. Proses yang dilalui para pelajar bukan sahaja dapat meningkatkan pemahaman berkaitan silibus tetapi salah satu inisiatif pembudayaan PA dalam mencapai **#ASiDPerform**.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Dalam mengekalkan PA sebagai pusat intelek terunggul pilihan pelajar lepas SPM, Beberapa inisiatif dilaksanakan bagi **menarik tumpuan pelajar SPM** dalam meletakkan PA sebagai pilihan utama. Satu jawatankuasa ditubuhkan merangkumi pensyarah-pensyarah unit dan pegawai-pegawai yang berkemahiran dalam meluaskan dan meningkatkan ketampakan PA di kalangan ibubapa dan pelajar sekolah di Malaysia. Jawatankuasa tersebut dinamakan **Jawatankuasa Misi Akademik PA** (Bukti 6.2.1). Jawatankuasa ini berperanan dalam menyelaras dan menyediakan maklumat tepat berkenaan program-program yang ditawarkan PA. Selain itu, jawatankuasa ini juga mengurus program-program yang meningkatkan promosi PA sekali gus **meningkatkan visibiliti PA** di kalangan pelajar sekolah dan ibubapa (Bukti 6.2.2). Antara projek yang dilaksanakan adalah: 'JOM MASUK KE ASASI UITM', 'SocMed VISIBILITY', 'MOU dengan MRSM/SBP Terpilih' dan 'Festival UiTM Perform'.

Selain itu, **kerjasama strategik pengurusan tertinggi bersama alumni-alumni PA** (Bukti 6.2.1) yang telah berkerjaya juga memberikan nilai tambah kepada ketampakan PA di kalangan pelajar-pelajar sekolah. Perkongsian para alumni PA berkenaan prospek kerjaya selepas pengajian di PA berjaya meningkatkan enrolmen pelajar baru PA asasi dan turut membantu pelajar PA dalam pemilihan jurusan sarjana muda di IPTA kelak melalui program 'Pre-Departure UiTM Dengkil 23/24' (Bukti 6.2.3).

Kemahiran intelek juga ditingkatkan melalui **pembelajaran fleksibel atas talian**. Antara pembelajaran atas talian yang dilaksanakan adalah melalui pembangunan Massive Open Online Course (MOOC) dan juga Micro-credential (MC). Penyertaan PA di dalam pertandingan 'International E-Content Development Competition 2023' (e-Condev2023) juga membuktikan keyakinan dan keberkesanan kandungan MOOC yang dimajukan PA (Bukti 6.2.4).

Sifat dan kemahiran insaniah mendapat perhatian khusus PA dalam memastikan kementerian pelajar. Dalam memastikan keberkesanan inisiatif yang dirancang, prosedur dan pelaksanaan operasi yang kemas dan tersusun amat penting. Operasi ini dapat dilihat pada 3 entiti utama iaitu Bahagian Hal Ehwal Pelajar & ICAN (BHEP&ICAN), Unit Residensi dan Hospitaliti Pelajar (URHP).

a. [BHEP&ICAN] Penubuhan kelab ko-kurikulum di PA

Penglibatan dalam ko-kurikulum adalah agenda yang amat penting di PA kerana ia memastikan pelajar memperoleh skor merit 10% untuk permohonan ke peringkat ijazah pertama di UPUOnline. **ia juga adalah penggerak kepada pembinaan kemahiran insaniah yang mampan.** Kakitangan PA baik akademik mahupun pentadbiran amat digalakkan untuk menubuhkan dan menyelia kelab-kelab ko-kurikulum serta menjalankan aktiviti bersama pelajar (Bukti 6.2.5) dan langkah-langkah yang sistematik juga telah disediakan oleh pihak BHEP dalam membantu para pensyarah dalam penubuhan kelab (Rajah 6.2.2).

Antara kelab ko-kurikulum yang memiliki potensi besar dalam membentuk insaniah para pelajar adalah Kelab Debat dan Kelab Seni dan Tarian (Astarti). Kemahiran debat adalah sangat istimewa kerana ia adalah sebuah seni intelek yang memerlukan ketangkasan berfikir dan kebolehan mengeluarkan hujah bernas. Melalui pendedahan kepada seni tari dan kesenian bangsa, pelajar akan lebih menghargai seni budaya negara dan mempunyai jiwa yang patriotik. Pemilihan ahli kelab memerlukan proses pemilihan dan latihan yang tersusun dan sistematik (Rajah 6.2.3 dan Rajah 6.2.4).

SENARAI BUKTI:

1. [F0041_O01_OB02_20241_BUKTI 6.2.1.pdf](#)
2. [F0041_O01_OB02_20242_BUKTI 6.2.2.pdf](#)
3. [F0041_O01_OB02_20243_BUKTI 6.2.3.pdf](#)
4. [F0041_O01_OB02_20244_BUKTI 6.2.4.pdf](#)

5. [F0041_O01_OB02_20245_BUKTI 6.2.5.pdf](#)
6. [F0041_O01_OB02_20241_BUKTI 6.2.1.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Projek-projek yang dilaksanakan **Jawatankuasa Misi Akademik telah berjaya menjalankan pelbagai aktiviti dalam meningkatkan kecemerlangan intelek PA** dengan memberi taklimat mengenai program asasi di sekolah-sekolah, ekspo-ekspo akademik, pendekatan melalui sosial media dan kolaborasi akademik bersama pusat pengajian yang lain (Bukti 6.3.1).

Projek-projek MOOC dan MC yang ditetapkan oleh pengurusan PA juga telah berlangsung dengan giat dengan terhasilnya 4 MOOC dan 2 MC bagi tahun 2023. Ini **selaras dengan matlamat menjadikan kesemua kursus utama yang diajar di PA mempunyai MOOC ataupun MC** bagi meningkatkan kecemerlangan intelek pelajar PA secara menyeluruh.

Perancangan program jaringan komuniti dan sukarelawan pelajar PA dibuat di dalam Pelan Tindakan Strategik (SAP) setiap awal tahun bagi **menetapkan program yang akan dijalankan sepanjang tahun untuk meningkatkan kecemerlangan insaniah pelajar PA**. Perancangan penetapan aktiviti jaringan komuniti dan sukarelawan dijalankan bagi mengenal pasti program yang dapat dijalankan. Lazimnya bentuk dan jenis program yang bakal dijalankan ditentukan agar ia membantu pencapaian PI (Performance Indicator) yang ditindikkan kepada PA. Bagi program jaringan komuniti dan industri, **keutamaan diberikan kepada aktiviti yang melibatkan rakan industri sedia ada daripada senarai MoU dan MoA antarabangsa dan tempatan** yang telah ditandatangani baik oleh PA mahupun PTJ atau kampus lain di dalam UiTM. Bagi program keusahawanan pula, **pengetahuan pelajar dan pensyarah tentang asas keusahawanan dan perniagaan termasuklah keusahawanan sosial dipertingkatkan** dengan cara menghantar pensyarah menghadiri latihan luar atau mengundang penceramah yang berkelayakan.

Pemantauan pencapaian program sukarelawan dibuat melalui pelaporan yang dimuat naik oleh setiap pegawai bertanggungjawab. Tindakan pembetulan dan penambahbaikan dibincang dan diputuskan di dalam mesyuarat pengurusan dalaman beserta arahan kerja dikeluarkan oleh BHEP.

Kecemerlangan inovasi pelajar di PA dalam menggapai **#ASiDPerform** dibuktikan melalui **pelaksanaan yang teratur** oleh semua pihak yang terlibat. Selaras dengan matlamat OS3 untuk **memperkemas dan menyemarakkan aktiviti penyelidikan, penerbitan dan inovasi, pengoperasian yang sistematik** telah diwujudkan dalam membentuk pelajar yang holistik sejajar dengan objektif UiTM dalam menghasilkan graduan yang berkecekapan global (Rajah 6.3.1). Perancangan yang komprehensif dan bersepadu dipertanggungjawabkan kepada unit akademik yang terlibat dalam memastikan keberhasilan pencapaian inovasi para pelajar. Pelan tindakan ini juga dirancang bersama-sama unit Jawatankuasa seperti Jawatankuasa Pengurusan Inovasi, Pengkomersialan dan Jaringan Industri dan Jawatankuasa Pengurusan Penyelidikan dan Perundingan dalam perancangan program seperti CDU dan I-CReST. Melalui **penganalisaan hasil dapatan** dari program-program tahun sebelumnya, penambahbaikan dapat dilakukan dan menjadi tanda aras bagi program yang akan dijalankan. Setelah itu, kertas kerja akan dihantar ke pihak BHEA dan akan dibawa ke Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (MPPSM). Program-program yang telah diluluskan akan dilaksanakan mengikut ketetapan mesyuarat dan disokong dari aspek kewangan menggunakan tabung Pengurusan dan juga TAPA (Bukti 6.3.2).

Pendekatan yang komprehensif dan terurus telah dilakukan demi menggalakkan penyertaan pelajar dalam aktiviti penyelidikan dan inovasi. Setelah program mendapat kelulusan pihak BHEA, promosi hebahan program akan giat dijalankan oleh ahli jawatankuasa yang terlibat (Bukti 6.3.3). Selain dari poster hebahan (Bukti 6.3.4) secara fizikal (di papan buletin dan paparan digital) dan secara maya di laman sosial rasmi PA, **pendedahan program juga dilakukan oleh pensyarah kepada para pelajar sewaktu kelas dan pertemuan akademik** sepanjang 14 minggu semester berjalan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_O01_OB03_20241_BUKTI 6.3.1.pdf](#)
2. [F0041_O01_OB03_20242_BUKTI 6.3.2.pdf](#)
3. [F0041_O01_OB03_20243_BUKTI 6.3.3.pdf](#)
4. [F0041_O01_OB03_20244_BUKTI 6.3.4.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Kecemerlangan intelek di kalangan pelajar PA sentiasa dititikberatkan dalam memastikan kemajuan berterusan dicapai dengan cekap dan berkesan. Oleh itu adalah amat penting kecemerlangan ini sentiasa diukur dan diberikan perhatian dari tahun ke tahun. Pencapaian yang diperoleh PA dari segi enrolmen pelajar kesan dari usaha Jawatankuasa Misi Akademik menunjukkan peningkatan enrolmen dari tahun ke tahun. Rekod yang diperolehi dari bahagian pengambilan pelajar menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan dari tahun 2021 hingga ke tahun 2023. Dengan meningkatnya enrolmen pelajar (Bukti 6.4.1.1), ini sekaligus meningkatkan nilai intelek, insaniah dan inovasi PA.

Pihak pengurusan PA sentiasa proaktif dalam memantau pelaksanaan aktiviti telah mencapai objektif yang telah disasarkan. Pemantauan proses dilaksanakan melalui pelaporan aktiviti yang telah dibuat, manakala pencapaian pelaksanaan aktiviti juga dipantau oleh pegawai yang berkenaan seperti Pegawai HEP, Unit Sukan, Koordinator ICAN, Koordinator MASMED dan penasihat kelab.

Pelaksanaan secara **sistematik** bagi **memantau keberjayaan program** dilaksanakan oleh pihak pengurusan, BHEA dengan memastikan **laporan program yang ekstensif** dihantar 14 hari setelah program dijalankan (Bukti 6.4.1.2). Hasil dari pasca-nilai yang dilakukan semasa mesyuarat dalaman pihak jawatankuasa program, laporan program disediakan dan dihantar melalui emel ke alamat rasmi BHEA bagi tujuan perekodan data. **Laporan ini menjadi satu instrumen pengukuran untuk menilai keberhasilan inisiatif yang telah diimplementasikan.**

Faktor utama dalam pemantauan yang perlu diambil kira adalah pendaftaran hak cipta produk dan juga penerbitan di sistem portal penerbitan UiTM, *PRIME* bagi meningkatkan jumlah hak cipta PA (Bukti 6.4.1.3). **Pemantauan berkala** dilakukan oleh unit Jawatankuasa Penerbitan dan Penulisan Akademik bagi memastikan pengemaskinian data penerbitan dapat dilakukan bagi **mengelakkan keciciran data** (Bukti 6.4.1.4). I-CreST adalah antara program yang memerlukan penglibatan pensyarah sebagai ahli kumpulan selaku penulis bersama atau *corresponding author* (Bukti 6.4.1.5). Dokongan dari para pensyarah yang bersama-sama dalam menggembelng tenaga dalam keberhasilan produk inovasi dan penyelidikan, dapat membantu para pelajar dalam meningkatkan ilmu dan mengasah Kemahiran

SENARAI BUKTI:

1. [F0041_O01_OB04_OC01_20241_BUKTI 6.4.1.1.pdf](#)
2. [F0041_O01_OB04_OC01_20242_BUKTI 6.4.1.2.pdf](#)
3. [F0041_O01_OB04_OC01_20243_BUKTI 6.4.1.3.pdf](#)
4. [F0041_O01_OB04_OC01_20244_BUKTI 6.4.1.4.pdf](#)
5. [F0041_O01_OB04_OC01_20245_BUKTI 6.4.1.5.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pencapaian PA dalam mencapai OS yang disasarkan bagi pembangunan pelajar amat menitikberatkan pengurusan risiko bagi mengenal pasti permasalahan yang dapat menjejaskan kualiti salam segala proses demi keberhasilan #ASiDPerform. Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Risiko yang diselia oleh pengarah merangkap pengerusi jawatankuasa adalah satu langkah PA dalam mendepani segala risiko dan cabaran berkaitan operasi utama. Jawatankuasa ini memangkinkan amalan pembudayaan pemprosesan dalam penghasilan kerja yang lebih realistik dan efektif sejajar dengan pembaharuan digitalisasi di masa kini.

Pengurusan risiko yang sistematik dihasilkan dalam pengoperasian utama PA dan didaftarkan di Template Daftar Risiko PA. Setiap risiko diklasifikasikan kepada empat tahap risiko iaitu Rendah, Sederhana, Tinggi dan Extreme. Setiap tahap risiko ini ditentukan berdasarkan kebarangkalian terjadinya insiden dan dikelaskan mengikut tahap kebimbangan dan kesesuaian pelan tindakan. Berikutan tahap risiko dan kebimbangan, cadangan resolusi dan tempoh kajian juga telah diperincikan dan seterusnya menjurus kepada kawalan risiko (Bukti 6.4.2.1).

Secara umumnya, PA terdedah kepada risiko yang menghalang pencapaian inisiatif strategik yang telah disasarkan. Ketiadaan manual kualiti yang merumuskan proses kerja yang sistematik dan daftar surat atau dokumen masuk dan surat keluar yang kurang teratur menjejaskan kecemerlangan operasi di PA. Tindakan pencegahan yang direkodkan adalah penganjuran bengkel pembangunan manual kualiti dan penggunaan digital seperti dokumen Excel dan dilakukan secara manual melalui buku log rekod. Selain itu, pencerobohan dalam kampus juga antara risiko yang direkodkan dan tindakan pencegahan yang dikawal selia ialah rondaan berkala di 'check point' yang ditetapkan oleh pihak terlibat dan pemantauan secara CCTV.

Kecemerlangan 3i PA terdedah kepada beberapa risiko yang telah didaftarkan namun tindakan pencegahan juga telah dikenal pasti bagi merealisasikan #ASiDPerform. Antara risiko yang melibatkan kecemerlangan intelek adalah kecuaiian proses pengiraan dan muat naik markah peperiksaan yang diklasifikasikan ditahap "Tinggi" dan tindakan pencegahan yang diambil adalah semakan markah oleh pemeriksa kedua dan pemantauan yang dilakukan dari Ketua Pusat Pengajian, Koordinator dan juga *Resource Person*. Penetapan sasaran Performance Indicator sebanyak 85% yang ditetapkan oleh Pengarah semasa juga menjadi salah satu risiko di tahap "Sederhana" yang dihadapi warga PA.. Punca dan beberapa langkah mitigasi diambil untuk meminimumkan risiko dan seterusnya dapat mencapai peratusan yang ditetapkan (Bukti 6.4.2.2).

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_O01_OB04_OC02_20241_BUKTI 6.4.2.1.pdf](#)
2. [F0041_O01_OB04_OC02_20242_BUKTI 6.4.2.2.pdf](#)

6.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Terdapat pelbagai cabaran dalam memastikan pengoperasian PA dikekalkan ke tahap optimum bagi memastikan kemajuan intelek, insaniah dan inovasi. Antara **cabaran yang mengugut kemampuan dan kecemerlangan PA adalah kegagalan pelajar dalam peperiksaan dan juga kesilapan dalam proses muat-naik markah**. Risiko-risiko seperti ini telah diatasi dengan segera oleh Jawatan Kuasa Pemilik Risiko PA yang dibentangkan dua kali setahun. Segala risiko-risiko yang telah dikenalpasti di bentangkan dan diberikan perhatian sepenuhnya untuk diatasi bagi memastikan kualiti intelek, insaniah dan inovasi PA kekal manpan. (Bukti 6.4.3.1)

Selain itu, **cabaran capaian internet yang lemah juga telah diatasi serta menjadi rujukan kepada IPT lain. Lawatan Menteri Komunikasi Malaysia YB Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil pada Julai 2023** dan melihat sendiri kualiti capaian internet PA dan amat berpuas hati dengan kualiti dan capaian internet. Ini sekaligus memudahkan pelajar dan juga staf untuk mendapatkan maklumat di laman internet dengan pantas dan efisien (Bukti 6.4.3.2). Dengan peningkatan kualiti internet di PA, kemahiran intelek, insaniah dan inovasi pelajar PA dapat ditingkatkan dan terus kekal unggul di kalangan IPT-IPT di Malaysia

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_O01_OB04_OC03_20241_BUKTI 6.4.3.1.pdf](#)
2. [F0041_O01_OB04_OC03_20242_BUKTI 6.4.3.2.pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Lanjutan dari pengoperasian melalui pendekatan, perluasan, pembelajaran dan hasil daripada pemantauan dan penambahbaikan, PA mengambil inisiatif seterusnya dalam mengamalkan **proses pembudayaan digitalisasi** bagi penerbitan inovasi. **Amalan pembudayaan** dalam penghasilan **e-proceeding** bagi setiap program yang dianjurkan, dapat menarik minat para peserta khususnya pelajar dalam menyertai lebih banyak program penyelidikan dan inovasi. PA mengambil inisiatif dalam menganjurkan program penyelidikan dan inovasi bertaraf kebangsaan dan antarabangsa dan program seperti CDU dan I-CReST telah **membudayakan penerbitan e-proceeding** pada setiap tahun program diadakan (Bukti 6.5.1). Penglibatan produk inovasi yang berpotensi akan dihantar ke program anjuran universiti luar yang turut menerbitkan *e-proceeding*.

Amalan penganjuran program penyelidikan dan inovasi seperti KSTI, Arduino Showcase, ini juga menggalakkan **pemindahan dan perkongsian ilmu** dari pakar-pakar bidang dan industri berkaitan program yang bertepatan dengan tema program yang dijalankan. **Inisiatif pembudayaan** yang dilakukan ini dapat memberikan pendedahan kepada pelajar tentang keperluan bidang dan industri yang berkaitan dan diharapkan dapat membantu dalam pencetusan idea penyelidikan dan inovasi yang seterusnya dapat meneruskan **kecemerlangan inovasi** dan **#ASiDPerform**.

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_O01_OB05_20241_BUKTI 6.5.1.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

HASIL TUMPUAN PELANGGAN

"Simbiosis Berkualiti bersama Pelanggan Memacu Kecemerlangan Intelek, Insaniah dan Inovasi Pusat Asasi"

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelanggan merupakan elemen yang menentukan keberadaan dan kejayaan sesebuah organisasi. Dalam konteks pendidikan, **pelajar** adalah **pelanggan utama** yang perlu diberi perhatian sepenuhnya bagi memastikan mereka terus setia dan mencapai kejayaan dalam bidang yang diceburi. Menyedari hakikat ini, pengurusan kanan Pusat Asasi telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam **meningkatkan kualiti akademik dan pembangunan insaniah pelajar**. Ini selaras dengan objektif utama Pusat Asasi, iaitu melahirkan generasi yang unggul dalam tiga aspek utama iaitu **intelek, insaniah, dan inovasi (3i)**. **Hasil pencapaian ini dibincangkan mengikut tiga tema berikut:**

- 1. Kecemerlangan intelek melalui pembelajaran sepanjang hayat**
- 2. Kokurikulum sebagai wadah pemeraksanaan insaniah pelajar**
- 3. Pembudayaan pemikiran kreatif memacu inovasi pelajar**

Pusat Asasi telah mencapai kecemerlangan dalam bidang **intelek** dengan menekankan kepentingan **pembelajaran sepanjang hayat**. **Peningkatan ketara** dalam **enrolmen pelajar** mencerminkan usaha berterusan pusat ini dalam menyediakan pendidikan yang berkualiti tinggi. Pada tahun 2023, **Program Asasi TESL**, khususnya, mencatatkan pendaftaran yang melebihi sasaran, satu tanda positif terhadap daya tarikan program ini serta keberkesanan strategi pemasaran dan promosi yang dilaksanakan oleh pihak Pusat Asasi.

Selain kecemerlangan akademik, Pusat Asasi turut memberi fokus kepada pembangunan **insaniah** pelajar melalui penglibatan aktif mereka dalam **aktiviti kokurikulum**. Kejayaan dalam bidang sukan dan program insaniah lain membuktikan pentingnya pembangunan holistik yang berteraskan nilai-nilai insaniah. Sebagai contoh, pelajar Pusat Asasi berjaya meraih **pingat perak** dalam **Asia Cup Taipei 2023**, satu pencapaian yang bukan sahaja membanggakan, tetapi turut **mengangkat reputasi pusat di peringkat antarabangsa**. Kejayaan ini melambangkan keberhasilan model **#ASiDPerform** yang dipraktikkan di Pusat Asasi, sekaligus membuktikan pelajar di sini bukan sahaja cemerlang secara akademik, tetapi juga berupaya bersaing di peringkat global dalam bidang sukan dan pembangunan diri, selaras dengan usaha keras Pusat Asasi ke arah **#NurturingGlobalTalent**.

Bagi mencapai kecemerlangan **inovasi**, Pusat Asasi terus menunjukkan komitmen yang tinggi dalam **membudayakan pemikiran kreatif dalam kalangan pelajar**. Kejayaan mereka dalam pertandingan inovasi **CDU2023** menjadi bukti jelas dedikasi pelajar terhadap bidang ini. Pelajar Pusat Asasi berjaya menghasilkan **41 Abstract** dan **17 Extended Abstract** yang diterbitkan di peringkat antarabangsa. Pencapaian ini tidak hanya menunjukkan kreativiti dan kebolehan pelajar dalam menghasilkan idea-idea baharu, tetapi juga menggambarkan kesungguhan mereka untuk terus maju dalam bidang inovasi.

Secara keseluruhannya, pencapaian ini menunjukkan bahawa Pusat Asasi telah berjaya mencapai objektif utamanya dalam melahirkan pelajar yang cemerlang dari **segi intelek, insaniah, dan inovasi**. Kejayaan yang diraih dalam pelbagai bidang ini bukan sahaja

meningkatkan reputasi Pusat Asasi, malah membuktikan keupayaan Pusat Asasi untuk bersaing di peringkat antarabangsa. Komitmen berterusan dari pihak pengurusan dalam mengekalkan dan meningkatkan kualiti pendidikan akan terus menjadi pemangkin kepada kejayaan pelajar serta Pusat Asasi pada masa hadapan.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_F0041_HB02_20241_HASIL 7.1 - TAHAP.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_F0041_HB03_20242_HASIL 7.1 - TREN.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_F0041_HB04_20243_HASIL 7.1 - PERBANDINGAN.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_F0041_HB05_20244_HASIL 7.1 - KEPENTINGAN.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

HASIL PERANCANGAN STRATEGIK

"Perancangan Strategik Jitu Menggalang Kecemerlangan Intelekt, Insaniah dan Inovasi Pelajar"

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Perancangan Strategik Pusat Asasi (PA) adalah berteraskan kepada **Model Transformasi Strategik PA** dan **Model Pemetaan Perancangan Strategik PA 2023** bagi mendokong **#ASiDPerform** dalam menghasilkan pelajar yang berdaya saing di **peringkat antarabangsa**. Selari dengan Pelan Strategik UiTM 2025 untuk menjadi sebuah universiti **komprehensif** bukan sahaja di Malaysia, tetapi juga di peringkat antarabangsa, PA, melalui kumpulan gerakan *Strategic Action Team* berusaha keras ke arah **#Nurturing Global Talent @ASiD** melalui **kecemerlangan 3i** (intelekt, insaniah, inovasi). Inisiatif utama adalah dengan **menyerlahkan potensi pelajar** dalam membentuk graduan masa hadapan. Ini didukung dengan pengukuhan jalinan bersama PA dengan komuniti serta rakan industri. Pelan Perancangan Strategik PA **mengintegrasikan pengurusan dan pembangunan pelajar** secara **sinergi** dan **menyeluruh** dalam mencapai sasaran yang ditetapkan. Di bawah **kecemerlangan 3i**, hasil perancangan strategik PA dibincangkan mengikut tiga tema berikut:

- 1. Program pemindahan ilmu KTP mencetus kecemerlangan intelekt pelajar.**
- 2. Penglibatan pelajar dalam program sukan dan pembangunan emosi memupuk kecemerlangan insaniah pelajar**
- 3. Lonjakan penglibatan pelajar dalam program rekacipta dan inovasi menyokong kecemerlangan inovasi pelajar**

Pelajar adalah pihak berkepentingan terbesar dalam sesebuah institusi pendidikan dan merupakan pelanggan utama bagi PA. **Pembangunan holistik pelajar** melalui **kecemerlangan 3i** memastikan penghasilan graduan yang bermutu yang mampu menyumbang kepada Pelan Strategik UiTM2025. Melalui **program pemindahan ilmu** yang merentas empat negeri, pelajar bukan sahaja berkongsi pengetahuan dengan komuniti malah dapat mempraktikkan ilmu yang dipelajari bagi pembelajaran yang lebih efektif. Bersama-sama dengan **program alumni**, hasil utama adalah bagi **memantapkan intelektual pelajar** untuk **pasaran kerja yang kompetitif**.

Pencapaian dalam bidang **e-sukan** dan **pembangunan emosi pelajar** juga turut dipilih sebagai hasil utama PA. Ianya bagi mencapai objektif perancangan strategik yang jitu berlandaskan kecemerlangan 3i iaitu melahirkan pelajar yang bukan sahaja cemerlang dari segi intelekt, tetapi juga hebat dari segi insaniah dan inovasi. Program e-sukan mengasah **kemahiran kritis dan kreatif pelajar** serta cara berkomunikasi dan bekerjasama dalam kumpulan. Kemunculan sebagai johan di Sukan Asasi Malaysia 2023 meningkatkan ketampakan PA dan UiTM di Malaysia manakala kejayaan mengadakan tiga program pembangunan emosi membantu PA melahirkan graduan yang **seimbang dari segi intelekt dan insaniah**.

Tren positif dalam penambahan pelajar yang menyertai program rekacipta dan inovasi menunjukkan inisiatif perancangan strategik dilaksanakan dengan jayanya. Pencapaian pelajar memenangi pingat dalam program berkenaan yang meningkat dari tahun berikutnya melambangkan **keberhasilan model #ASiDPerform** yang dipraktikkan di Pusat Asasi. Selain memberi impak individu kepada para peserta, ianya turut memberi impak besar kepada PA dan universiti dalam merealisasikan Pelan Strategik UiTM 2025. Program inovasi juga memberi manfaat dan impak kepada komuniti setempat melalui pameran dan bengkel bagi berkongsi

ilmu dan inovasi terkini. **Model Pemantauan Pengurusan Strategik PA** menggunakan pendekatan berasaskan model PDCA: *Plan, Do, Check, Act* disandarkan sebagai model pemantauan pencapaian inisiatif strategik **#ASiDperform**. Dengan kesedaran bahawa setiap perancangan perlu mengambil kira risiko, pencapaian PA **dipantau secara sistematik** melalui penekanan pengurusan risiko oleh kepimpinan PA dengan sokongan *Strategic Action Team* serta Bahagian HEP dan HEA. Risiko bagi setiap inisiatif PS Pusat Asasi **direkodkan** dan **dibincangkan** melalui pelaporan di Google Sheets serta menggunakan sistem-sistem seperti **UiSMS, SMART, iPROMS** dan sistem **UePMO** (SAP ONline Monitoring System).

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_F0041_HB02_20241_7.2.2 TAHAP\(Level\).pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_F0041_HB03_20242_7.2.3 TREN \(Trend\).pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_F0041_HB04_20243_7.2.4_PERBANDINGAN TANDA ARAS Comparison Benchmark.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_F0041_HB05_20244_7.2.5 KEPENTINGAN \(Importance\).pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

HASIL TUMPUAN SUMBER MANUSIA

"Sinergi Pengurusan Sumber Manusia Memacu Kecemerlangan Pusat Asasi"

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan kanan PA sentiasa **mengoptimumkan usaha** memperkasa bakat staf untuk meningkatkan mutu **kecemerlangan akademik, kepimpinan dan inovasi** dalam kalangan warganya. Melalui **Pelan Pembangunan Sumber Manusia**, PA memperkenalkan **"Nurturing Global Talent @ASiD"** berasaskan **kecemerlangan 3i : intelek, insaniah dan inovasi**. Model ini bertujuan membentuk staf cemerlang dari segi intelek, nilai kepimpinan tinggi dan kemampuan menghasilkan inovasi terbilang. Bersifat **komprehensif, kompeten dan holistik**, model ini **menerapkan pembudayaan nilai ESI dan i-DART** sebagai asas. Matlamatnya adalah **memacu keberdayaan sumber manusia berkualiti** yang mampu mendominasi peringkat global. **Hasil pencapaian sumber manusia** ini berjaya menonjolkan **kejayaan staf PA** melalui **tiga Objektif Strategik (OS)** dan **tiga inisiatif strategik (IS)**.

Tiga tema ini diterapkan sebagai budaya kerja staf PA dalam usaha untuk menggembeng **pendekatan secara holistik** untuk melahirkan **staf yang seimbang** dari segi kecemerlangan akademik, bakat, kepimpinan dan inovasi. Ia amat penting untuk memastikan **staf PA bukan sahaja cemerlang** dalam aspek **intelektual dalam kerjaya mereka** bahkan **menonjolkan kemahiran kepimpinan yang berkarisma dan disegani** serta mampu **mengantarabangsakan produk inovasi yang bermanfaat serta terbilang**.

PA telah berjaya menyediakan tenaga pengajar yang berkualiti dan infrastruktur yang baik dalam menyokong **kecemerlangan intelek staf akademik**. Pengurusan kanan PA **menggalakkan staf** untuk melanjutkan pengajian ke **peringkat PhD** melalui **biasiswa dan pemantauan berkala**, memastikan kejayaan dalam menyelesaikan pengajian tepat pada masanya. Seramai **69 daripada 216 orang pensyarah** telah memperoleh **PhD, iaitu 79%** staf akademik yang berkelayakan PhD di PA berbanding Asasi UIAM (9%) dan Tamhidi USIM (12%). Aktiviti penyelidikan juga berkembang pesat, dengan peningkatan **penerbitan daripada 247 pada tahun 2022 kepada 333 pada tahun 2023**, termasuk **157 penerbitan berindeks**. Selain itu, staf PA berjaya memperoleh **geran berjumlah RM391,400 dengan 16 pensyarah sebagai penyelidik utama**. Pemerolehan geran mewujudkan **kajian berimpak tinggi**. Pada tahun 2023, staf PA turut diiktiraf sebagai **pakar rujuk dalam lawatan penandaarasan dari universiti, lantikan penilai jurnal, penceramah utama, panel MQA, penceramah bertauliah JAIS, dan pakar alumni**, yang meningkatkan ketampakan mereka di peringkat nasional dan antarabangsa.

Keberhasilan sumber manusia PA juga dilihat mengungguli aspek **pembangunan insaniah** melibatkan program kemahiran insaniah (*softskills*). Penyertaan **staf PA menyerlah** sebagai **jurulatih silat dan memanah di peringkat nasional, pertandingan catur dan sukan di peringkat Asasi/Matrikulasi**. Bakat kemahiran insaniah dan kepimpinan sumber manusia disalurkan juga melalui peranan **sebagai Penasihat Kelab di PA dan penceramah program Hati Bidadari**.

Galakan dari pengurusan kanan PA **untuk menyertai pertandingan inovasi** dan kolaborasi hasil produk mereka **di peringkat antarabangsa menatijahkan** penglibatan PA sebagai peserta (131 orang) dan penyelia pelajar melalui **26 penyertaan dalam 3 pertandingan inovasi peringkat antarabangsa dan tempatan** seperti **Creation d'UiTM (CDU) 2023, PIITRAM2023 dan KSTI2023**. Delegasi berjaya menggondol **8 pingat emas, 6 pingat perak dan 12 pingat gangsa**.

Siogan #ASIDPerjuangan yang menjaui taungai semangat menyatukan seluruh warga staf PA dalam menonjolkan kebersamaan mencapai kecemerlangan prestasi ke arah “**Globally Renowned University 2025**”. Berlandaskan **kecemerlangan 3i** yang merangkumi **intelekt, insaniah, dan inovasi**, inisiatif “**Nurturing Global Talent @AsiD**” akhirnya berjaya **melonjakkan keputusan indeks kegembiraan staf PA tahun 2023 dengan keputusan mencapai 73%, top ten UiTM keseluruhan.**

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_F0041_HB02_20241_7.3.2 \(TAHAP\) V.4.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_F0041_HB03_20242_7.3.3 \(TREN\) V.5.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_F0041_HB04_20243_7.3.4 \(PERBANDINGAN\) V.5.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_F0041_HB05_20244_7.3.5 \(KEPENTINGAN\) V.5.pdf](#)